KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LPPKN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

LAPORAN KAJIAN

AMALAN PERANCANG KELUARGA DI MALAYSIA

Report on the Study of Family Planning Practices in Malaysia



LAPORAN KAJIAN

AMALAN PERANCANG KELUARGA DI MALAYSIA

Report on the Study of
Family Planning Practices in Malaysia



Diterbitkan oleh:
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
No. 12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Telefon : 603-2613 7555
Laman Web : https://www.lppkn.gov.my
Facebook : Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Emel : penduduk@lppkn.gov.my

Diterbitkan pada September 2026

Hak Cipta Terpelihara©
Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan LPPKN
ISBN : 978-629-95492-4-6

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR v

PENGHARGAAN x

JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN KERJA KAPKM x

KUMPULAN PENYELIDIK xi

RINGKASAN EKSEKUTIF xiii

PENGENALAN 1

Definisi Perancang Keluarga **2**

Latar Belakang Program Perancang Keluarga **2**

Latar Belakang Kajian **3**

METODOLOGI 4

Skop Kajian **4**

Reka Bentuk Kajian **4**

Saiz Sampel **4**

Kaedah Pengumpulan Data **7**

Analisis Data **7**

Limitasi Kajian **8**

SOROTAN LITERATUR 9

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Amalan Penggunaan Kontraseptif dan Rawatan Subfertiliti **10**

Pelaksanaan Program Perancang Keluarga **14**

PENEMUAN KAJIAN 27

Isu dan Cabaran Berkaitan Amalan Perancang Keluarga **28**

Keberkesanan Pelaksanaan Program Perancang Keluarga **44**

CADANGAN HALA TUJU PROGRAM PERANCANG KELUARGA 53

Hala Tuju 1: Pendidikan Kesihatan Seksual Dan Reproduktif **54**

Hala Tuju 2: Akses Dan Teknologi: Hebahan Melalui Media Digital **54**

Hala Tuju 3: Penyampaian Perkhidmatan Perancang Keluarga **55**

Hala Tuju 4: Tadbir Urus Membangun Pelan Strategik Mesra Keluarga **56**

Hala Tuju 5: Hab Data Kesihatan Seksual Dan Reproduktif Nasional **57**

RUJUKAN 59



KATA PENGANTAR

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri

MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Penubuhan Lembaga Perancang Keluarga Negara pada tahun 1966 menjadi titik awal perkembangan pendekatan negara terhadap perancangan keluarga. Pindaan Akta dan pertukaran nama kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 1984 seterusnya memperluas mandat organisasi daripada tumpuan terhadap perkhidmatan kontraseptif kepada skop yang lebih menyeluruh, meliputi kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Seiring dengan peluasan mandat ini, pendekatan perancangan keluarga turut berkembang dengan memberi penekanan kepada kesihatan reproduktif, pendidikan, kesedaran dan sokongan kepada keluarga. Pendekatan ini memberi ruang kepada pasangan untuk merancang bilangan dan jarak kelahiran anak secara terancang dan bertanggungjawab, sekali gus menyokong pembentukan keluarga yang sejahtera.

"Penubuhan Lembaga Perancang Keluarga Negara pada tahun 1966 menjadi titik awal perkembangan pendekatan negara terhadap perancangan keluarga."

Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia merupakan inisiatif penting dalam menilai keberkesanan dasar tersebut, di samping memberikan gambaran tentang tahap kesedaran, penerimaan serta cabaran semasa masyarakat. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pembuat dasar, penyedia perkhidmatan, ahli akademik dan rakan strategik dalam memperkukuh dasar serta pelaksanaan program perancang keluarga negara. Penghargaan turut dirakamkan kepada semua warga kerja LPPKN yang telah menyumbang kepada penerbitan laporan ini.



KATA PENGANTAR

Datuk Dr. Maziah Che Yusoff

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia merupakan satu inisiatif penting dalam menilai keberkesanan dasar yang telah digariskan oleh kerajaan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Kajian ini menyediakan data dan maklumat yang komprehensif mengenai tahap kesedaran, penerimaan serta amalan masyarakat terhadap perancangan keluarga, sekali gus menjadi asas kukuh dalam merangka strategi yang lebih berkesan dan responsif terhadap perubahan demografi serta sosioekonomi negara.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada LPPKN, para perunding dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Sumbangan yang diberikan telah memastikan penerbitan laporan yang berkualiti dan bermanfaat kepada pembuat dasar, pengamal, penyelidik dan rakan strategik dalam memperkukuh sistem perancang keluarga dan kesihatan reproduktif negara. Diharapkan dapatan serta saranan kajian dapat secara optimum demi kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat di negara ini.

"Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia merupakan satu inisiatif penting dalam menilai keberkesanan dasar yang telah digariskan oleh kerajaan."

KATA PENGANTAR

Dato Sri Rohani Abdul Karim

PENGERUSI

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa komited dalam memperkasakan kesejahteraan demografi serta institusi keluarga di negara ini. Pelaksanaan Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan pemahaman berkaitan isu dan cabaran utama berkaitan penggunaan kontraseptif dan rawatan subfertiliti, di samping meneliti amalan serta keperluan semasa bagi menyokong perancangan dan penambahbaikan program perancang keluarga di Malaysia.

Dapatan kajian ini menyediakan asas strategik untuk memandu penggubalan dasar dan intervensi kesihatan reproduktif yang lebih efektif. Maklumat berasaskan bukti (*evidence-based*) ini penting dalam memastikan program perancang keluarga disasarkan secara inklusif demi memenuhi keperluan segenap lapisan masyarakat.

"Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa komited dalam memperkasakan kesejahteraan demografi serta institusi keluarga di negara ini."

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), United Nations Population Fund (UNFPA) in Malaysia, UPUM Sdn. Bhd., serta seluruh warga kerja LPPKN atas komitmen menjayakan penerbitan laporan ini. Diharapkan dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi memperkukuh kesejahteraan keluarga dan mendokong pembangunan sosioekonomi negara.



KATA PENGANTAR

Dato' Abdul Shukur Abdullah

KETUA PENGARAH
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Trend perancang keluarga di Malaysia menunjukkan kadar penggunaan kontraseptif yang masih sederhana dan mendatar, meskipun negara berdepan penurunan kadar kesuburan yang ketara. Perubahan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti peningkatan umur perkahwinan, perubahan sosioekonomi dan struktur masyarakat, serta membawa kepada cabaran baharu termasuk isu subfertiliti dalam kalangan pasangan yang menginginkan anak.

Sehubungan itu, Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia dilaksanakan sebagai usaha komprehensif untuk meneliti trend semasa, mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan kontraseptif, serta memahami isu berkaitan subfertiliti bagi menyokong penambahbaikan dasar dan program perancang keluarga negara. Kajian ini menggunakan pendekatan campuran yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi memberikan gambaran yang menyeluruh dan mendalam tentang amalan perancang keluarga dalam kalangan masyarakat.

"Trend perancang keluarga di Malaysia menunjukkan kadar penggunaan kontraseptif yang masih sederhana dan mendatar, meskipun negara berdepan penurunan kadar kesuburan yang ketara."

Penghargaan turut dirakamkan kepada United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia atas sokongan dan peruntukan yang diberikan, serta kepada UPUM Sdn. Bhd. sebagai perunding kajian. Diharapkan dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan dalam merangka strategi yang lebih berkesan demi kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara.

KATA PENGANTAR



Dr. Julitta Onabanjo

PERWAKILAN
UNITED NATIONS POPULATION FUND

> "Perancangan keluarga pada asasnya ialah tentang pilihan yang berteraskan hak asasi manusia, keputusan secara sukarela dan hak setiap individu untuk menentukan tubuh serta kehidupan reproduktif mereka sendiri."

Perancangan keluarga pada asasnya ialah tentang pilihan yang berteraskan hak asasi manusia, keputusan secara sukarela dan hak setiap individu untuk menentukan tubuh serta kehidupan reproduktif mereka sendiri. Setiap individu dan pasangan perlu mempunyai maklumat, perkhidmatan dan sokongan yang mencukupi untuk membuat keputusan secara bebas dan bertanggungjawab tentang sama ada, bila dan berapa ramai anak yang ingin dimiliki. Ketika Malaysia melalui perubahan demografi yang ketara — termasuk penurunan kadar kesuburan, usia perkahwinan dan kelahiran anak yang semakin lewat, serta perubahan dalam realiti sosioekonomi — usaha untuk memastikan kesihatan dan hak seksual dan reproduktif dihormati dan dipenuhi sepanjang hayat menjadi semakin penting agar setiap individu dapat merealisasikan hasrat reproduktif mereka. Kajian Amalan Perancangan Keluarga di Malaysia amat bertepatan pada masanya kerana memberi gambaran tentang pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan berkaitan perancangan keluarga, termasuk pengetahuan, akses, kemampuan, dinamika pasangan dan keupayaan membuat keputusan sendiri.

UNFPA menegaskan bahawa kesihatan dan hak seksual dan reproduktif merupakan hak asasi manusia. Dengan meletakkan perancangan keluarga dalam pendekatan kitaran hayat yang menyeluruh, masyarakat dapat memperkukuh autonomi individu, menyokong mereka dalam merealisasikan hasrat reproduktif masing-masing, serta membina masyarakat yang lebih inklusif, saksama dan berdaya tahan.

UNFPA berbesar hati dapat menyokong kajian ini dan merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, LPPKN dan pasukan penyelidik. Kami berharap dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan dalam usaha memperkukuh dasar serta perkhidmatan kesihatan reproduktif yang lebih responsif terhadap keperluan individu dan keluarga.

PENGHARGAAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia (KAPKM).

JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN KERJA KAPKM

Kementerian / Jabatan

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Institut Sosial Malaysia

Badan Bukan Kerajaan / Antarabangsa

United Nations Population Fund (UNFPA) in Malaysia
Federation of Reproductive Health Association Malaysia
Academy of Family Physicians of Malaysia

LPPKN

Bahagian Perancangan Strategik
Bahagian Reproduksi Manusia
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga
Pusat Kepakaran Subfertiliti

KUMPULAN PENYELIDIK

Penasihat

Dato' Abdul Shukur Abdullah
Ketua Pengarah LPPKN

En. Hairil Fadzly Md. Akir
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), LPPKN

En. Mohd Hanafee A Rahman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), LPPKN

Ketua Projek

En. Irwan Nadzif Mohpal @ Mahpul
Pengarah
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN

Perunding Kajian (UPUM Sdn. Bhd.)

Dr. Rohana Jani
Profesor Dr. Noran Naqiah Mohd Hairi
Dr. Halimah Awang
Profesor Dr. Choo Wan Yuen
Dr. Nur Annizah Ishak
Dr. Nur Hairani Abd Rahman
Dr. Muhamad Hilmi Abdul Rahman
Dr. Alias Abd Aziz
Cik Norul Fatonah Mohd Arifin
En. Muhammad Faizal Kamar

Penyelidik LPPKN

En. Fauwaz Hasbullah
Pn. Najihah Ismail
Cik Nur Awanis Helmee
Cik Fatin Aqilah Mohd Muhaiyeddin
Cik Nurmira Nabilla Hazlan
Pn. Azian Abdul Hamid
Pn. Lailina Khairuddin
En. Khairulnizam Jumain

Urusetia Kajian

Unit Penyelidikan Penilaian
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN


My FAMILY
DAD
Daddy
Me

Ringkasan Eksekutif



Foto : pavel danilyuk / Pexels

Perancang keluarga merupakan komponen asas kesihatan seksual dan reproduktif yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan ibu, anak dan keluarga. Ia merangkumi maklumat, perkhidmatan dan kaedah yang membolehkan wanita dan pasangan membuat keputusan mengenai bilangan anak, masa dan jarak kehamilan, serta rawatan subfertiliti. Di Malaysia, perkhidmatan ini disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, (LPPKN) sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Walaupun pelbagai program telah dilaksanakan, kadar penggunaan kontraseptif kekal sederhana dan mendatar, di samping wujud cabaran seperti keperluan kontraseptif yang tidak dipenuhi, akses kepada rawatan subfertiliti, serta penurunan kadar fertiliti akibat perubahan sosiodemografi seperti peningkatan umur perkahwinan dan penyertaan wanita dalam pendidikan serta tenaga kerja.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti isu dan cabaran berkaitan pengetahuan, sikap dan amalan kontraseptif termasuk rawatan subfertiliti; menilai keberkesanan pelaksanaan program perancang keluarga dalam konteks dasar sedia ada; dan mencadangkan penambahbaikan program pada masa akan datang. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan gabungan yang merangkumi kajian pustaka, analisis situasi serta kaedah kuantitatif dan kualitatif. Komponen kuantitatif dilaksanakan melalui tinjauan dalam talian menggunakan soal selidik berstruktur melibatkan wanita berumur 15 hingga 49 tahun, manakala komponen kualitatif melibatkan temubual mendalam secara interpretatif dengan pelbagai kumpulan termasuk wanita berisiko tinggi, wanita berkahwin yang mengalami subfertiliti, wanita belum berkahwin serta pembekal perkhidmatan perancang keluarga dari sektor awam dan swasta.

Dapatan menunjukkan tahap pengetahuan terhadap kaedah kontraseptif moden adalah tinggi, namun pengetahuan terhadap kaedah tertentu seperti gegelang vagina dan tubaligasi masih rendah. Sikap terhadap penggunaan kontraseptif secara umumnya positif, walaupun masih terdapat kebimbangan berkaitan kesan terhadap kesuburan jangka panjang. Dari segi amalan, majoriti responden menunjukkan penerimaan yang baik terhadap perancang keluarga. Dalam kalangan wanita pernah berkahwin, sebahagian besar pernah menggunakan kontraseptif dan kira-kira separuh wanita yang masih berkahwin sedang menggunakannya, dengan kondom sebagai kaedah paling lazim. Kebanyakan responden menggunakan satu kaedah sahaja dan membuat keputusan bersama pasangan, terutamanya dalam memulakan atau menghentikan penggunaan bagi tujuan mendapatkan anak. Faktor utama tidak menggunakan kontraseptif termasuk keinginan untuk hamil, kurang minat dan kebimbangan terhadap kesan sampingan.

Dalam konteks subfertiliti, majoriti responden menerima rawatan moden sebagai wajar, namun akses dan penggunaan rawatan masih dipengaruhi oleh faktor kos, masa, pengetahuan serta stigma. Sebahagian yang menjalani rawatan melebihi dua tahun berjaya hamil, dengan kebanyakan mendapatkan rawatan di fasiliti swasta. Dapatan

kualitatif menonjolkan pelbagai tema utama termasuk cabaran kesihatan, pengaruh pasangan dan keluarga, kekangan kewangan, tekanan emosi, serta norma sosiobudaya yang mempengaruhi keputusan berkaitan kontraseptif dan rawatan subfertiliti. Wanita yang mengalami subfertiliti turut berhadapan tekanan sosial dan kekurangan sokongan, manakala golongan belum berkahwin menunjukkan perubahan nilai terhadap perkahwinan dan keibubapaan yang semakin dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan kesiapsiagaan diri.

Dari sudut sistem penyampaian, beberapa isu dikenal pasti termasuk kekangan kewangan dan sumber, kekurangan kepakaran, serta cabaran operasi dalam penyampaian perkhidmatan. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan lima (5) hala tuju utama yang memberi penekanan kepada pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu dalam memperkukuh perkhidmatan perancang keluarga negara.

Pertama, pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif perlu diperkasa melalui program pendidikan komprehensif yang bersesuaian mengikut kumpulan sasaran, dengan penggunaan bahan pembelajaran interaktif dan pendekatan yang responsif kepada perubahan semasa. Penekanan juga perlu diberikan kepada peningkatan literasi reproduktif, termasuk pemahaman tentang kontraseptif, kesuburan dan perancangan keluarga secara berinformasi.

Kedua, pemanfaatan teknologi dilihat sebagai pemangkin utama dalam memperluas capaian maklumat dan perkhidmatan. Pengintegrasian platform digital seperti aplikasi mudah alih dan media sosial boleh membantu menyampaikan maklumat yang tepat dan mudah diakses, termasuk melalui kolaborasi dengan pempengaruh dan pencipta kandungan yang berwibawa bagi meningkatkan kesedaran dan mengurangkan stigma berkaitan kesihatan reproduktif.

Ketiga, aspek perkhidmatan menumpukan kepada peningkatan akses dan kualiti penyampaian perkhidmatan perancang keluarga. Ini termasuk memperluas liputan perkhidmatan, memperkukuh kapasiti tenaga pakar, memastikan bekalan kontraseptif mencukupi, serta menyediakan sokongan yang lebih menyeluruh bagi rawatan subfertiliti. Usaha ini bertujuan meningkatkan penggunaan kontraseptif moden dan mengurangkan keperluan yang tidak dipenuhi dalam kalangan masyarakat.

Keempat, tadbir urus perlu diperkukuh melalui penyelarasan yang lebih berkesan antara agensi, khususnya antara KKM dan LPPKN. Ini termasuk pembangunan pelan strategik yang jelas, mekanisme pemantauan yang sistematik, serta pengukuhan kerjasama rentas sektor bagi memastikan pelaksanaan program yang lebih cekap dan berimpak tinggi. Kelima, pengukuhan data menjadi asas penting dalam menyokong perancangan dasar berasaskan bukti. Cadangan termasuk pewujudan Hab Data Kesihatan Seksual dan Reproduktif Nasional, pelaksanaan tinjauan perancang keluarga secara berkala (contohnya setiap lima tahun), serta kajian tematik tahunan. Pendekatan ini akan

memastikan data yang komprehensif, terkini dan relevan sentiasa tersedia untuk menyokong pembuatan keputusan dan penambahbaikan dasar secara berterusan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa perancang keluarga kekal sebagai agenda penting dalam memastikan kesejahteraan keluarga dan pembangunan negara yang mampan. Walaupun tahap pengetahuan dan sikap masyarakat terhadap kontraseptif adalah positif, cabaran dari segi amalan, akses perkhidmatan, serta isu subfertiliti masih memerlukan perhatian yang berterusan. Pendekatan bersepadu melalui pengukuhan pendidikan, pemanfaatan teknologi, penambahbaikan perkhidmatan, tadbir urus yang efektif serta sistem data yang mantap adalah penting bagi memastikan dasar dan program yang dilaksanakan lebih responsif dan berimpak tinggi. Seiring dengan perubahan keperluan masyarakat, perancang keluarga kini telah berevolusi daripada fokus asal terhadap pengawalan bilangan anak kepada pendekatan yang lebih menyeluruh, termasuk sokongan terhadap rawatan subfertiliti, sekali gus memperkukuh peranannya sebagai sistem sokongan yang inklusif, berdaya tahan dan berasaskan bukti demi kesejahteraan rakyat.

Pengenalan



Foto : Kaushal Amrutiya / Pexels

Definisi Perancang Keluarga

Definisi operasi yang digunakan oleh Bahagian Kesihatan Reproduktif dan Penyelidikan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO):

> ***"Keupayaan individu dan pasangan untuk merancang serta mencapai bilangan anak yang diinginkan termasuk penjarakan dan masa kelahiran. Ia dicapai melalui penggunaan kaedah kontraseptif serta rawatan ketidaksuburan"***
>
> ***Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 2008***

Latar Belakang Program Perancang Keluarga

Program perancang keluarga di negara ini diterajui oleh dua (2) institusi utama iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). LPPKN memainkan peranan penting dalam membentuk Garis Panduan Perancang Keluarga Kebangsaan yang bertindak sebagai pelan induk bagi inisiatif program perancang keluarga di negara ini. Garis panduan ini memastikan bahawa perkhidmatan perancang keluarga disepadukan dengan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, menjadinya mudah diakses melalui kemudahan kesihatan awam (Lorenzoni et al., 2022).

Selain daripada membangunkan garis panduan di peringkat nasional, LPPKN turut memberikan perkhidmatan perancang keluarga termasuk program pendidikan dan juga kempen kesedaran untuk mendidik masyarakat awam mengenai kepentingan perancang keluarga, sama ada penggunaan kontraseptif atau rawatan subfertiliti. Salah satu inisiatif strategik yang diperkenalkan adalah penubuhan rangkaian 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan perancang keluarga termasuk saringan kesihatan dan sesi kaunseling untuk menyokong individu dan keluarga dalam membuat keputusan yang berinformasi mengenai kesihatan reproduktif mereka.

KKM turut menyediakan perkhidmatan perancang keluarga melalui klinik kesihatan dan hospital kerajaan di seluruh negara. Perkhidmatan KKM turut merangkumi kaunseling, pendidikan dan pengedaran pelbagai kaedah kontraseptif. Selain daripada sektor kerajaan, sektor swasta turut memainkan peranan penting dalam kesejahteraan kesihatan reproduktif terutamanya melalui rawatan subfertiliti. Terdapat pelbagai hospital dan klinik swasta yang menawarkan perkhidmatan rawatan subfertiliti, antaranya seperti TMC Fertility Centre, Alpha Fertility Centre dan Sunway Fertility Centre.

Program dan perkhidmatan berkaitan perancang keluarga di negara ini telah berkembang sejak penggubalan Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 1966 (APPK 1966, Akta 352). Akta ini bertujuan untuk mengawal dan mempromosikan kesihatan reproduktif dengan memastikan bahawa perkhidmatan perancang keluarga dapat diakses oleh semua rakyat. APPK 1966 mengiktiraf kepentingan kesihatan reproduktif dalam pembangunan negara yang memberi penekanan kepada kesihatan ibu dan anak, pertumbuhan dan pembangunan penduduk serta memperkasa setiap individu untuk membuat pilihan tepat mengenai kehidupan kekeluargaan (Mohd Nor et al., 2022).

Latar Belakang Kajian

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai isu dan cabaran berkaitan amalan perancangan keluarga di negara ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN telah melantik UPUM Sdn. Bhd. (Kumpulan Perunding Universiti Malaya) untuk menjalankan Kajian Amalan Perancang Keluarga di Malaysia bermula dari 1 Ogos 2024 sehingga 31 Oktober 2025. Pelaksanaan kajian ini telah dibiayai oleh United Nations Population Fund (UNFPA) melalui peruntukan Country Programme of Action (CPAP), 2021 – 2025.

Objektif utama kajian adalah untuk:

01

Mengenal pasti isu dan cabaran dalam aspek perancang keluarga, termasuk penggunaan kontraseptif dan rawatan subfertiliti.

02

Menilai keberkesanan pelaksanaan program perancang keluarga, yang meliputi perkhidmatan kontraseptif dan rawatan subfertiliti dalam konteks dasar-dasar kerajaan sedia ada.

03

Mencadangkan penambahbaikan terhadap program perancang keluarga negara pada masa hadapan agar lebih responsif, inklusif dan selaras dengan keperluan pasangan serta keluarga di Malaysia.

METODOLOGI

Skop Kajian

Bagi mengenal pasti isu dan cabaran berkaitan perancang keluarga secara menyeluruh, kajian ini telah menggabungkan perspektif pengguna perancang keluarga dalam kalangan wanita serta perspektif penyedia perkhidmatan sama ada premis kerajaan atau swasta yang terlibat dalam pelaksanaan program atau perkhidmatan perancang keluarga.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran (*mixed method*) yang merangkumi pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini dipilih bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif dan holistik terhadap isu serta cabaran yang dikaji.

Saiz Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada: (i) wanita berkahwin berumur 15 hingga 49 tahun; (ii) wanita tidak pernah berkahwin; dan (iii) penyedia perkhidmatan kesihatan berkaitan perancang keluarga serta rawatan subfertiliti.

Berikut adalah saiz sampel kajian berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data yang digunakan:

Tinjauan dalam talian *(online survey)*: 1,029 orang responden

Temubual mendalam *(in-depth interview)*

i. Wanita berkahwin 15-49 tahun: 39 orang responden
ii. Wanita tidak pernah berkahwin (berumur kurang daripada 30 tahun): 22 orang responden
iii. Penyedia perkhidmatan kesihatan: 15 orang responden

Responden tinjauan dalam talian direkrut melalui beberapa platform media sosial seperti Facebook dan WhatsApp.

Responden temubual mendalam dikenalpasti melalui senarai responden yang telah melengkapkan tinjauan dalam talian dan juga dengan menggunakan teknik *snowballing sampling.*

Profil Responden Bagi Tinjauan Dalam Talian

	Bilangan	Peratusan
Tempat Kediaman		
Bandar	866	84.2
Luar Bandar	163	15.8
Kumpulan Umur		
15 hingga 19 tahun	15	1.5
20 hingga 24 tahun	202	19.6
25 hingga 29 tahun	154	15.0
30 hingga 34 tahun	183	17.8
35 hingga 39 tahun	195	19.0
40 hingga 44 tahun	180	17.5
45 hingga 49 tahun	100	9.7
Status Perkahwinan		
Masih Berkahwin	604	58.7
Bercerai / Berpisah / Balu	42	4.1
Tidak Pernah Berkahwin	383	37.2
Etnik		
Melayu	797	77.5
Cina	150	14.6
India	48	4.7
Lain-lain	34	3.3
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Diploma / Sijil dan ke bawah	374	36.3
Sarjana Muda dan ke atas	655	63.7
Status Pekerjaan		
Kerajaan	433	42.1
Swasta	256	24.9
Bekerja Sendiri	56	5.4
Tidak Bekerja	284	27.6
Pendapatan Isi Rumah		
Kurang daripada RM2,500	246	23.9
RM2,500 hingga RM4,849	292	28.4
RM4,850 hingga RM10,959	328	31.9
RM10,960 dan lebih	163	15.8
JUMLAH	**1,029**	**100.0**

Profil Responden Bagi Temubual Mendalam

	Bilangan	Peratusan
Tempat Kediaman		
Bandar	47	77.1
Luar Bandar	14	22.9
Kumpulan Umur		
15 hingga 29 tahun	30	49.2
30 hingga 39 tahun	11	18.0
40 hingga 49 tahun	20	32.8
Etnik		
Melayu	44	72.1
Cina	7	11.5
India	5	8.2
Lain-lain	5	8.2
Status Perkahwinan		
Berkahwin	37	60.7
Bercerai / Berpisah / Balu	2	3.3
Tidak Pernah Berkahwin	22	36.1
Status Pekerjaan		
Bekerja	33	54.1
Tidak Bekerja	28	45.9
Kategori Perancangan Keluarga		
Mempunyai masalah subfertiliti	12	19.7
Pengguna kaedah kontraseptif	29	47.5
Bukan pengguna kaedah kontraseptif	20	32.8
Status Kesihatan		
Mempunyai masalah kesihatan	10	16.4
Tiada masalah Kesihatan	51	83.6
Status Orang Kurang Upaya (OKU)		
OKU	5	8.2
Bukan OKU	56	91.8
JUMLAH	**61**	**100.0**

Kaedah Pengumpulan Data

Bagi kajian kuantitatif, data dikumpulkan dengan menggunakan borang soalan selidik yang ditadbir sendiri oleh responden secara dalam talian. Responden direkrut melalui pelbagai platform media sosial seperti *Facebook, WhatsApp* dan juga e-mel. Terdapat empat (4) bahagian utama borang soalan selidik seperti berikut: (i) latar belakang responden & perihal perkahwinan; (ii) kesihatan seksual dan reproduktif, kehamilan, dan fertiliti; (iii) amalan perancang keluarga; dan (iv) pengguguran / keguguran.

Bagi kajian kualitatif, data dikumpulkan melalui sesi temubual mendalam (*in-depth interview*) dengan menggunakan borang soalan selidik separa berstruktur. Pendekatan ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang lebih terperinci dan mendalam tentang pengalaman wanita berkaitan amalan perancang keluarga dan rawatan subfertiliti, termasuk pengalaman daripada penyedia perkhidmatan yang terpilih.

Analisis Data

Data Kuantitatif

Analisis deskriptif digunakan untuk menjana profil tahap pengetahuan (*knowledge*), sikap (*attitude*) dan amalan (*practice*) atau singkatannya KAP berkaitan perancang keluarga mengikut latar belakang sosiodemografi responden dan strata, menjana profil tahap KAP berkaitan subfertiliti mengikut latar belakang sosiodemografi responden dan strata, melihat ciri-ciri responden dalam amalan penggunaan kontraseptif (moden dan tradisional) dan pembuat keputusan dalam penggunaan kaedah kontraseptif.

Analisis inferensi digunakan untuk melihat skor pengetahuan tentang kaedah perancang keluarga serta amalan mengikut latar belakang sosiodemografi responden dan strata, faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan penggunaan kontraseptif.

Data Kualitatif

Analisis data kualitatif dilaksanakan melalui pendekatan analisis tematik berasaskan kerangka yang dicadangkan oleh Paul Colaizzi (1978), bagi menstrukturkan dan mentafsir makna pengalaman responden secara sistematik. Seterusnya, dapatan tersebut diperkukuh menerusi pendekatan Define, Design, Refine (DDR) yang dilaksanakan secara berfasa, meliputi: (i) Fasa 1 – analisis fenomenologi untuk mengenal pasti tema utama; (ii) Fasa 2 – reka bentuk kerangka fenomenologi berasaskan dapatan; dan (iii) Fasa 3 – penilaian dan pemurnian dapatan daripada Fasa 1 dan Fasa 2.

Limitasi Kajian

Adalah penting untuk dinyatakan bahawa dapatan kajian ini tidak bertujuan untuk mewakili keseluruhan penduduk negara secara statistik. Memandangkan komponen kuantitatif kajian dilaksanakan melalui tinjauan dalam talian yang dilengkapkan sendiri oleh responden (*self-administered online survey*), responden yang terlibat adalah terdiri daripada individu yang mempunyai akses kepada internet dan bersedia untuk menyertai kajian sahaja.

Seperti yang dilaporkan secara meluas dalam literatur berkaitan tinjauan dalam talian, pendekatan ini berpotensi menghasilkan keterwakilan yang lebih tinggi dalam kalangan individu yang tinggal di kawasan bandar, mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi serta mempunyai akses yang lebih baik kepada teknologi dan internet.

Oleh itu, dapatan kajian ini hendaklah ditafsirkan sebagai mencerminkan pandangan, pengalaman dan amalan responden yang terlibat dalam kajian, dan bukannya sebagai anggaran yang mewakili keseluruhan penduduk Malaysia. Justeru, penemuan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi negara, dan perhatian sewajarnya perlu diberikan semasa mentafsir dapatan bagi subkumpulan responden yang mempunyai saiz sampel yang kecil.

Sorotan Literatur



Foto : cottonbro studio / Pexels

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Amalan Penggunaan Kontraseptif Dan Rawatan Subfertiliti

Faktor Individu

- Wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi di negara ini lebih cenderung untuk menggunakan kontraseptif moden dan menangguhkan kelahiran anak (Hoo & Lai, 2023; Samat et al., 2022; Abdullah et al., 2021).

- Prevalens keperluan kontraseptif yang tidak dipenuhi adalah lebih tinggi dalam kalangan wanita berumur 36 tahun ke atas (Awaluddin et al. 2025).

- Umur perkahwinan mempengaruhi pola kesuburan sepanjang hayat (Tey Nai Peng, 2020).

- Pendapatan yang lebih tinggi dan terlibat dalam pekerjaan bergaji dikaitakan dengan pembuatan keputusan secara bersama (suami dan isteri) dalam penggunaan kontraseptif dan akses yang lebih besar kepada kontraseptif moden (Awaluddin et al., 2025; Lai et al., 2020; Damtew & Fantaye, 2024; Gemmill, 2018).

- Wanita yang tinggal di bandar melaporkan penggunaan kontraseptif moden yang lebih tinggi berbanding wanita yang tinggal di luar bandar (Hoo & Lai, 2023; Tey Nai Peng, 2020).

- Tempoh perkahwinan yang lebih lama mengubah pemilihan kaedah dan autonomi keputusan (Suriyani Muhammad et al., 2019).

- Tahap pengetahuan kontraseptif yang lebih tinggi berkait rapat dengan sikap yang positif dan kebarangkalian penggunaan yang lebih tinggi (Shafei et al., 2012; Najafi et al., 2011).

- Kekurangan pengetahuan sering menimbulkan kebimbangan terhadap kesan sampingan yang merupakan sebab utama wanita tidak atau berhenti menggunakan kontraseptif moden di Malaysia (Wong, 2012; Wong et al., 2014).

- Jurang pengetahuan tentang kontraseptif kecemasan menimbulkan kekeliruan mengenai cara penggunaan yang betul (Malaysian Journal of Pharmacy, 2019).

- Penghentian penggunaan secara kerap menunjukkan cabaran dalam akses kepada perkhidmatan dan keyakinan terhadap kaedah kontraseptif (Shafei et al., 2012; Najafi et al., 2011).

- Pengetahuan dan kemahiran pembekal perkhidmatan turut menjadi penentu kepada kaedah kontraseptif yang ditawarkan (Abdullah et al., 2017).

- Norma seksual yang konservatif dan nilai agama dalam kalangan wanita Melayu Islam dikaitkan dengan literasi kesihatan reproduktif yang rendah serta penerimaan terhad terhadap kaedah moden (Wong, 2012; Strathclyde University, 2018).

- Kebimbangan terhadap tanggapan penggunaan kontraseptif boleh menjejaskan kesuburan pada masa hadapan (Wong, 2012).

Faktor Keluarga dan Komuniti

- Pasangan dan keluarga merupakan pengaruh utama terhadap tingkah laku penggunaan kontraseptif dan proses pembuatan keputusan berkaitan kontraseptif (Kassa et al., 2022; Najafi-Sharjabad et al., 2014).

- Wanita yang mempunyai lebih daripada 4 orang anak di negara ini berkemungkinan hampir 3 kali ganda untuk menggunakan kontraseptif (Mansor & Lim Abdullah, 2015).

- Suami sering berperanan sebagai pembuat keputusan utama mengenai niat kesuburan dan penggunaan kontraseptif (Kassa et al., 2022; Kabagenyi et al., 2014).

- Subfertiliti dalam kalangan golongan lelaki mengancam identiti sosial dan maskuliniti, mendorong kepada penyembunyian dan penglibatan rendah dalam rawatan subfertiliti (Liyanage et al., 2024; Iwelumor et al., 2019).

- Tekanan keluarga khususnya mentua mengukuhkan jangkaan kesuburan dan mengehadkan autonomi dalam keputusan kontraseptif dan rawatan subfertiliti (Lawrenz et al., 2019; Iwelumor et al., 2019; Pradhan & Mondal, 2023).

- Peningkatan komunikasi suami-isteri meningkatkan kebarangkalian penggunaan kaedah moden (Najafi-Sharjabad et al., 2014).

- Walaupun wanita sering memulakaan penggunaan kontraseptif, lelaki lebih kerap membuat keputusan muktamad terhadap pemilihan kaedah dan kesinambungan penggunaannya di negara ini (Tong et al, 2014; Low et al, 2026).

- Jangkaan tradisional bahawa keibuan menandakan kebahagiaan rumah tangga turut menjadikan persetujuan lelaki sebagai pra-syarat penggunaan kontraseptif (Wong et al., 2009).

- Ketakutan berterusan terhadap kesan sampingan dan persepsi risiko subfertiliti akibat kontraseptif terus mengekang penggunaan terutama dalam rumah tangga yang mengekalkan dominasi lelaki dan keputusan reproduktif (Wong et al., 2009; Mansor & Lim Abdullah, 2015).

- Kadar penggunaan kontraseptif adalah lebih tinggi serta pilihan kaedah yang pelbagai dalam kalangan wanita bandar (Samat et al., 2021; Tey & Abdurahman, 1981).

- Jarak bertindak sebagai penghalang utama di mana wanita yang tinggal lebih 60 kilometer daripada pusat rawatan kesuburan mencatatkan kadar penggunaan yang jauh lebih rendah (Lazzari et al., 2022).

- Komuniti luar bandar sering berhadapan dengan kos pengangkutan yang lebih tinggi, kesinambungan penjagaan yang terganggu, serta akses terhad kepada pilihan kontraseptif (Freitas et al., 2024; Goncalves et al., 2025).

- Perkhidmatan reproduktif khusus seperti rawatan kesuburan tertumpu di hospital tertiari di kawasan bandar utama, lalu mewujudkan jurang akses yang lebih ketara bagi penduduk di kawasan kurang membangun (Ali et al., 2024).

- Faktor yang menghalang penggunaan termasuk kebimbangan terhadap kesan sampingan, kaunseling yang tidak mencukupi dan kurang penglibatan pasangan (Lee et al., 2019; Hafizah et al., 2020).

Faktor Sosiobudaya

- Kepercayaan agama khususnya nilai Islam konservatif mempengaruhi persepsi terhadap seksualiti pra-perkahwinan, saiz keluarga dan tahap penerimaan terhadap kaedah kontraseptif moden (Wong, 2012a; Alomair et al., 2020).

- Identiti etnik menyumbang kepada variasi dalam pengetahuan kesihatan reproduktif dan autonomi dengan wanita Melayu Islam berdepan stigma negatif berbanding wanita Cina dan India (Wong, 2012b; Najafi-Sharjabad et al., 2014).

- Walaupun terdapat kepelbagaian tafsiran dan sebahagian wanita Islam menerima kontraseptif bagi tujuan penjarakan anak, usaha mengehadkan bilangan anak sering dinilai secara negatif (Abdi et al., 2020).

- Kekangan sistemik mengehadkan akses kepada perkhidmatan, pilihan kontraseptif dan kaunseling reproduktif kepada wanita berisiko (Sukeri et al., 2023).

- Kebolehcapaian terjejas apabila komuniti luar bandar berdepan dengan kekurangan kemudahan, keupayaan perkhidmatan dan kos kewangan yang tinggi (Cheong et al., 2021; Loganathan et al., 2020; Sawadogo et al., 2023).


- Ketersediaan masih terhad akibat kekurangan dan agihan tidak sekata dari aspek tenaga kerja dan bekalan kontraseptif (Homer et al., 2018).

- Halangan bahasa, ketidakselarasan budaya dan diskriminasi membebankan penduduk terpinggir secara tidak seimbang (Quayson et al., 2018).

- Kebolehcapaian terjejas apabila komuniti luar bandar berdepan dengan kekurangan kemudahan, keupayaan perkhidmatan dan kos kewangan yang tinggi (Cheong et al., 2021; Loganathan et al., 2020; Sawadogo et al., 2023).

- Stigma subfertiliti mencetus tekanan psikologi dalam komuniti (Hussain et al., 2020).

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Amalan Penggunaan Kontraseptif Dan Rawatan Subfertiliti



Kerangka Konsep - Faktor yang Mempengaruhi Amalan Perancang Keluarga di Malaysia

Pelaksanaan Program Perancang Keluarga

Filipina

CPR 58% 2022

TFR 1.9 2023

UMN 12% 2022



Filipina melaksanakan dasar perancang keluarga bagi menangani pertumbuhan penduduk yang pesat dan kadar kesuburan yang tinggi, dengan penekanan kepada peningkatan kesejahteraan keluarga serta kesihatan ibu dan anak. Dasar ini berteraskan prinsip *responsible parenthood*, iaitu keupayaan keluarga membuat keputusan reproduktif secara bijaksana mengikut kapasiti sosioekonomi.

Program perancang keluarga di Filipina mula dilaksanakan secara rasmi pada akhir 1960-an, khususnya dengan pengenalan dasar nasional pada tahun 1969 serta pelancaran Philippine Population Program pada tahun 1970 melalui Executive Order No. 233. Pelaksanaan program ini diperkukuh lagi pada awal 1970-an melalui penubuhan Commission on Population (POPCOM) sebagai badan penyelaras utama di peringkat nasional. Usaha jangka panjang dasar ini bertujuan mencapai pertumbuhan penduduk yang seimbang serta memperkukuh pembangunan modal insan melalui pembentukan keluarga berkualiti.

Kerangka perundangan perancang keluarga Filipina diperkukuh melalui penggubalan Responsible Parenthood and Reproductive Health Act (RA 10354, 2012) yang menjamin akses menyeluruh kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, termasuk kontraseptif dan penjagaan ibu dan anak. Pelaksanaan dasar disokong oleh integrasi perkhidmatan dalam sistem kesihatan awam, pendidikan kesihatan reproduktif di sekolah, penyediaan subsidi kontraseptif, serta kolaborasi antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan NGO. Pendekatan ini memperluas capaian perkhidmatan khususnya kepada komuniti kurang berkemampuan dan kawasan terpencil.

Program perancang keluarga Filipina menunjukkan kemajuan ketara apabila kadar kesuburan telah menurun kepada sekitar 1.9 anak per wanita, iaitu di bawah paras penggantian, manakala penggunaan kaedah kontraseptif moden terus meningkat dalam kalangan wanita usia reproduktif. Selain itu, lebih daripada sembilan juta rakyat Filipina kini menggunakan kaedah perancang keluarga, yang menyumbang kepada penurunan kadar pertumbuhan penduduk kepada sekitar 0.8% bagi tempoh 2020 hingga 2024.

Walau bagaimanapun, cabaran masih wujud termasuk ketidaksamaan akses antara wilayah, keperluan perancang keluarga yang belum dipenuhi serta peningkatan isu kehamilan remaja yang memerlukan intervensi lebih bersasar.

Singapura

CPR 62% 1997

TFR 1.0 2023

UMN 10% 2023



Dasar perancang keluarga di Singapura bermula sebagai usaha mengawal pertumbuhan penduduk yang tinggi pada era 1960-an bagi melindungi kestabilan ekonomi dan sumber negara. Melalui penyediaan akses kontraseptif serta perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, dasar ini berjaya menurunkan kadar kesuburan dengan ketara. Kerangka institusi seperti Singapore Family Planning Association (SFPA) dan Singapore Family Planning and Population Board (SFPPB), bersama dasar perundangan seperti Two-Child Policy serta Akta Penamatan Kehamilan dan Pensterilan (1974), menjadi asas utama kejayaan kawalan kelahiran negara tersebut.

Namun, kejayaan ini membawa kepada penurunan kadar kesuburan di bawah paras penggantian penduduk, menyebabkan Singapura beralih kepada dasar pronatalis bermula akhir 1980-an. Kerajaan memperkenalkan pelbagai sokongan mesra keluarga seperti Marriage and Parenthood Package, insentif kewangan, subsidi penjagaan anak, cuti ibu bapa, serta pembiayaan rawatan kesuburan melalui skim ART. Singapura berdepan cabaran serius apabila kadar kesuburan negara jatuh ke paras sangat rendah sekitar 0.87 pada tahun 2025 - yang merupakan rekod terendah negara - sekali gus menunjukkan bahawa langkah pronatalis sedia ada masih belum mencukupi untuk meningkatkan kadar kelahiran. Situasi ini mendorong kerajaan untuk terus menilai semula dasar sokongan keluarga dan memperkenalkan pendekatan baharu bagi menangani perubahan sikap terhadap perkahwinan dan keibubapaan serta isu kos sara hidup yang semakin meningkat.

Thailand

CPR 73% 2022

TFR 1.2 2023

UMN 9% 2022



Thailand merupakan antara negara ASEAN yang paling berjaya melaksanakan program perancang keluarga secara menyeluruh sejak awal 1970-an melalui National Family Planning Program (NFPP). Objektif utama dasar ini ialah mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk dengan mempromosikan penggunaan kontraseptif secara meluas, khususnya melalui pendekatan berasaskan komuniti. Kejayaan NFPP dipacu oleh strategi inovatif seperti penglibatan sukarelawan kesihatan komuniti dan integrasi perkhidmatan perancang keluarga ke dalam sistem kesihatan primer, sekali gus memastikan akses yang meluas tanpa mengira lokasi geografi atau latar belakang sosioekonomi.

Seiring perubahan cabaran kesihatan awam, Thailand memperkenalkan Dasar Kesihatan Reproduktif Nasional 2010–2020 yang memberi penekanan kepada akses kesihatan reproduktif secara inklusif, khususnya bagi golongan terpinggir seperti remaja dan wanita muda. Dasar ini menekankan pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, kaunseling serta kepelbagaian kaedah kontraseptif bagi mengurangkan keperluan tidak dipenuhi (*unmet need*).

Thailand mencatat kadar penggunaan kontraseptif yang tinggi dalam kalangan wanita berkahwin, iaitu sekitar 70% menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah, mencerminkan keberkesanan program jangka panjang negara ini. Namun, kadar kesuburan negara telah menurun dengan ketara kepada sekitar 1.2–1.5 anak per wanita, jauh di bawah paras penggantian, menjadikan Thailand sebuah masyarakat menua dan berdepan penyusutan penduduk. Situasi ini menunjukkan bahawa fokus dasar kini semakin beralih daripada kawalan kelahiran kepada pengurusan impak demografi seperti penuaan penduduk dan kekurangan tenaga kerja.

Jepun

CPR 58% — 2021

TFR 1.2 — 2023

UMN 15% — 2023



Dasar perancang keluarga di Jepun dibangunkan dengan penekanan kepada integrasi perkhidmatan perancang keluarga bersama penjagaan kesihatan ibu dan anak, di samping menangani cabaran kadar kelahiran yang semakin menurun. Pendekatan ini mula berkembang sejak era pasca Perang Dunia Kedua, khususnya sekitar awal 1950-an apabila gerakan perancang keluarga diperkenalkan secara meluas melalui penubuhan Japan Family Planning Association pada tahun 1954. Objektif utama dasar ini bukan sahaja memastikan akses kepada kontraseptif dan kaunseling kesihatan

reproduktif, tetapi juga membentuk persekitaran sosial yang menyokong kesejahteraan keluarga. Pendekatan ini melihat perancang keluarga sebagai sebahagian daripada sistem sokongan menyeluruh bagi membolehkan individu dan pasangan mengimbangi tanggungjawab pekerjaan serta kehidupan berkeluarga.

Kerangka perundangan Jepun diperkukuh melalui Undang-Undang Kesihatan Ibu dan Anak 1965 serta Basic Law on Measures for Society with Decreasing Birthrate 2003. Undang-undang ini mengintegrasikan perkhidmatan perancang keluarga dengan penjagaan pra dan pasca kelahiran serta memperkenalkan langkah mesra keluarga seperti cuti ibu bapa, keseimbangan kerja-kehidupan dan kesinambungan akses kontraseptif. Pelaksanaan dasar ini berdepan cabaran berterusan apabila kadar kesuburan Jepun kekal sangat rendah, sekitar 1.15 pada tahun 2024, sekali gus mencerminkan kegagalan relatif dasar dalam meningkatkan kelahiran walaupun pelbagai intervensi telah diperkenalkan. Situasi ini menunjukkan bahawa pendekatan perancang keluarga di Jepun telah beralih daripada kawalan penduduk kepada usaha menyokong peningkatan kadar kelahiran dalam konteks masyarakat menua dan penurunan saiz penduduk.

Belanda





Dasar perancang keluarga di Belanda berteraskan pendekatan progresif yang menekankan hak reproduktif, autonomi individu dan akses sejagat kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif. Perkhidmatan perancang keluarga tidak dilaksanakan secara terasing, sebaliknya diintegrasikan sepenuhnya dalam sistem kesihatan awam nasional berasaskan prinsip perlindungan kesihatan sejagat. Pendekatan ini memastikan setiap individu, tanpa mengira jantina, umur atau latar belakang sosioekonomi, mempunyai akses kepada maklumat, pendidikan dan kaedah kontraseptif yang diperlukan bagi membuat keputusan reproduktif secara bermaklumat.

Walaupun Belanda tidak mempunyai undang-undang khusus berkaitan perancang keluarga, perlindungan melalui sistem insurans kesihatan nasional serta kerjasama erat dengan NGO seperti Program Rutgers memperkukuh pelaksanaan dasar ini. Strategi utama merangkumi pendidikan seks komprehensif di sekolah, akses meluas kepada kontraseptif moden termasuk kaedah jangka panjang (LARC), serta sokongan pembiayaan rawatan kesuburan seperti IVF dan ICSI.

Indonesia

CPR 53% 2023

TFR 2.1 2023

UMN 11% 2017



Dasar perancang keluarga di Indonesia dilaksanakan melalui Program Perancang Keluarga Nasional dengan objektif utama mengurangkan kadar kesuburan, memperbaiki kesihatan reproduktif dan mewujudkan keseimbangan pembangunan kependudukan. Program ini mula dilaksanakan secara rasmi pada tahun 1970 melalui penubuhan Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional (BKKBN) sebagai agensi utama penyelaras dasar perancang keluarga di peringkat nasional. Program ini dibangunkan bagi menangani pertumbuhan penduduk yang pesat yang berpotensi menjejaskan pembangunan sosioekonomi negara. Pendekatan dasar turut memberi penekanan kepada peluasan capaian perkhidmatan kesihatan reproduktif agar dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat, khususnya golongan luar bandar dan komuniti sukar dicapai.

Kerangka perundangan dan institusi perancang keluarga Indonesia diperkukuh melalui penubuhan BKKBN serta penggubalan Undang-Undang Pembangunan Kependudukan dan Keluarga No. 52/2009. Pelaksanaan dasar disokong oleh strategi berasaskan komuniti melalui peranan kader kesihatan, kempen media berskala besar, penyediaan pelbagai kaedah kontraseptif termasuk kaedah jangka panjang, serta usaha meningkatkan penglibatan lelaki dalam perancang keluarga. Struktur institusi ini turut mengalami penstrukturan semula apabila BKKBN diperluas fungsinya dan digabungkan di bawah Kementerian Kependudukan dan Pembangunan Keluarga (Kemendukbangga) pada tahun 2024 bagi memperkukuh penyelarasan dasar kependudukan dan pembangunan keluarga secara lebih holistik.

Turkiye

CPR 70% 2018

TFR 1.5 2023

UMN 12% 2018




Dasar perancang keluarga di Turkiye bermula dengan penggubalan Undang-Undang Perancangan Populasi No. 557 pada tahun 1965, yang mengiktiraf kesan negatif pertumbuhan penduduk yang pesat terhadap pembangunan ekonomi serta kesihatan ibu dan anak. Dasar ini menandakan perubahan penting apabila penggunaan kontraseptif dibenarkan secara rasmi dan perancang keluarga dijadikan sebahagian

daripada agenda pembangunan negara sejajar dengan proses pemodenan. Pendekatan ini menekankan bahawa pengurusan kesuburan bukan sekadar isu peribadi, tetapi berkait rapat dengan kesejahteraan nasional dan kemajuan kesihatan awam.

Dari segi pelaksanaan, perancang keluarga diintegrasikan ke dalam sistem kesihatan nasional dengan sokongan kuat Kementerian Kesihatan, disertai strategi komunikasi awam yang konsisten dan persuasif. Kempen melalui media, poster dan pendekatan bersemuka digunakan bagi membentuk kesedaran serta mengubah norma budaya terhadap saiz keluarga. Kadar penggunaan kontraseptif moden di Turkiye masih sederhana dengan hanya sekitar satu pertiga hingga separuh wanita berkahwin menggunakan kaedah moden, dan terdapat keperluan yang tidak dipenuhi yang ketara, sementara negara menghadapi kadar kesuburan yang rendah dan terus menurun jauh di bawah paras penggantian, menunjukkan bahawa cabaran akses, norma budaya, dan keperluan belum dipenuhi masih wujud meskipun program telah bertahan beberapa dekad.

Maghribi



Dasar perancang keluarga di Maghribi bermula pada era 1960-an sebagai respons kepada pertumbuhan penduduk yang pesat dan kadar kesuburan yang sangat tinggi. Objektif awal dasar ini adalah untuk memperlahankan pertumbuhan penduduk dengan mengurangkan kadar kesuburan serta meningkatkan kesihatan ibu dan anak, selaras dengan keperluan pembangunan ekonomi negara. Seiring masa, perancang keluarga di Maghribi berkembang menjadi strategi pembangunan sosial yang lebih menyeluruh, dengan penekanan kepada kesejahteraan keluarga serta pemerkasaan wanita melalui pendidikan dan penyertaan dalam tenaga kerja.

Dari segi pelaksanaan, perancang keluarga diintegrasikan ke dalam sistem kesihatan awam tanpa sokongan perundangan khusus pada peringkat awal, namun diperkukuh melalui peranan aktif Kementerian Kesihatan serta sokongan rakan antarabangsa. Strategi utama merangkumi penyediaan kontraseptif secara percuma di fasiliti kesihatan awam, kempen kesedaran melalui media dan pemimpin komuniti, serta penglibatan pasangan dalam membuat keputusan reproduktif. Kadar penggunaan kontraseptif moden di Maghribi adalah tinggi di kalangan wanita yang sudah berkahwin, dengan lebih 70% menggunakan sesuatu bentuk kontraseptif dan kebanyakan memilih pil sebagai kaedah utama, manakala kadar kesuburan negara telah menurun ketara kepada sekitar 2.1 hingga 2.4 orang anak bagi setiap wanita, menunjukkan kejayaan

agenda perancangan keluarga sambil menangani jurang akses di kawasan luar bandar dan persepsi budaya terhadap kaedah tertentu.

Mesir

CPR 59% 2014

TFR 2.8 2023

UMN 13% 2014



Dasar perancang keluarga di Mesir bermula secara tidak formal pada tahun 1950-an melalui klinik sukarela sektor swasta sebelum berkembang menjadi dasar nasional apabila pertumbuhan penduduk yang pesat mula dilihat sebagai ancaman terhadap pembangunan ekonomi negara. Titik perubahan utama berlaku pada tahun 1962 apabila kerajaan secara rasmi menyokong perancang keluarga sebagai agenda nasional. Sejak itu, dasar ini memberi tumpuan kepada pengurangan kadar kelahiran melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan reproduktif, dengan penekanan bahawa isu kependudukan berkait rapat dengan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Kerangka institusi Mesir diperkukuh melalui penubuhan Majlis Tertinggi Penduduk dan Perancang Keluarga pada 1965 yang kemudiannya berkembang menjadi National Population Council (NPC), berperanan menyelaras dasar dan pelaksanaan antara pelbagai kementerian serta rakan antarabangsa. Strategi pelaksanaan merangkumi integrasi perancang keluarga dalam sistem kesihatan awam, penyediaan kontraseptif pada kos rendah atau percuma, latihan intensif petugas kesihatan serta kempen komunikasi awam berskala besar melalui media massa. Program perancang keluarga Mesir terus beroperasi sebagai komponen utama dasar kependudukan, dengan kadar penggunaan kontraseptif yang meningkat secara beransur-ansur dan usaha untuk mengurangkan jurang akses di kawasan luar bandar, namun kadar fertiliti domestik masih sekitar 3.1 hingga 3.5 anak per wanita dan keperluan belum dipenuhi kekal tinggi di kalangan sesetengah kumpulan, terutamanya golongan remaja dan kawasan kurang berkemampuan.

Bangladesh

CPR 64% 2022

TFR 2.2 2023

UMN 10% 2022



Bangladesh melaksanakan dasar perancang keluarga secara agresif sejak 1970-an bagi mengekang pertumbuhan penduduk yang sangat tinggi serta meningkatkan kesihatan ibu dan anak. Pelaburan besar dalam program perancang keluarga berasaskan komuniti terbukti berjaya menurunkan kadar kesuburan secara konsisten, daripada sekitar enam kelahiran bagi setiap wanita pada 1970-an kepada hampir paras penggantian dalam dekad kebelakangan ini. Kejayaan ini dikaitkan dengan peluasan akses kontraseptif moden, strategi komunikasi komuniti yang berkesan serta integrasi perancang keluarga dalam agenda pembangunan negara.

Kadar penggunaan kontraseptif moden di Bangladesh kekal tinggi dengan lebih 60% wanita berkahwin menggunakan sesuatu bentuk kontraseptif, namun terdapat variasi serantau dan keperluan belum dipenuhi terutama dalam kalangan remaja dan kawasan luar bandar, di mana kadar penggunaan masih rendah dan program baru seperti National Family Planning Strategy 2025–2030 dilancarkan untuk menangani isu ini. Dari segi institusi, pelaksanaan dasar diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Keluarga dengan sokongan kuat rangkaian pekerja komuniti wanita yang dikenali sebagai Family Welfare Assistants (FWA). Strategi utama seperti *doorstep delivery* membolehkan perkhidmatan kaunseling dan kontraseptif disampaikan terus ke rumah, sekali gus mengatasi halangan budaya dan akses, khususnya di kawasan luar bandar.

Australia





Dasar perancang keluarga di Australia menekankan akses saksama kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif sebagai sebahagian daripada sistem kesihatan sejagat. Objektif utama dasar ini ialah memastikan semua lapisan masyarakat, khususnya komuniti terpencil serta masyarakat Aboriginal dan Torres Strait Islander, mendapat akses kepada kaedah kontraseptif yang selamat, berkesan dan mampu milik. Pergerakan dan dasar perancang keluarga moden di Australia berkembang sejak awal abad ke-20 melalui pertubuhan badan seperti Family Planning Australia (ditubuhkan 1926) dan pada 1970-an apabila kaedah kontraseptif moden, termasuk pil, mula diperluaskan kepada semua wanita tanpa syarat perkahwinan, membantu mengukuhkan akses perancangan keluarga secara formal. Australia mengiktiraf kepelbagaian keperluan reproduktif berdasarkan konteks geografi dan budaya, dan komited untuk mengurangkan jurang ketidaksamaan kesihatan antara komuniti *indigenous* dan populasi umum.

Kerangka perundangan Australia disokong melalui Pharmaceutical Benefits Scheme (PBS) yang menyediakan subsidi kontraseptif, serta program khusus seperti Remote Area Aboriginal Health Services (RAAHS) dan Closing the Gap PBS Co-payment bagi meningkatkan akses dalam kalangan komuniti *indigenous*. Dari segi pelaksanaan, strategi utama merangkumi penggunaan perkhidmatan kesihatan mudah alih, teleperubatan, klinik satelit di kawasan terpencil serta peluasan peranan farmasi komuniti. Usaha perancang keluarga terus diperkukuh dengan inisiatif untuk menjadikan kontraseptif lebih mampu milik melalui PBS serta kempen kesihatan reproduktif yang disasarkan, sambil Australia turut menghadapi cabaran demografi seperti kadar kesuburan rendah dan keperluan meningkatkan kesedaran serta capaian di kalangan komuniti terpinggir.

Mexico





Dasar perancang keluarga di Mexico dilaksanakan melalui pendekatan komprehensif dengan matlamat utama meningkatkan kesihatan reproduktif, memperluas akses kepada kontraseptif khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah, serta menangani isu kehamilan remaja. Program perancangan keluarga negara mula dibangunkan pada awal 1970-an apabila kerajaan mengubah dasar populasi, termasuk pindaan Perlembagaan pada 1974 yang menjamin hak setiap pasangan untuk membuat keputusan reproduktif, dan pelancaran Programa Nacional de Planificación Familiar pada 1977 sebagai program nasional rasmi.

Kerangka perundangan Mexico diperkukuh melalui Program Nasional Kependudukan, Undang-Undang Kesihatan Am 1984 yang mewajibkan integrasi perancang keluarga dalam penjagaan kesihatan primer, serta Strategi Nasional Pencegahan Kehamilan Remaja (ENAPEA). Pelaksanaan dasar menekankan jangkauan komuniti, pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif, serta pengagihan kontraseptif secara percuma kepada golongan sasar. Kadar penggunaan kontraseptif moden di Mexico adalah relatif tinggi dan kadar kesuburan telah menurun kepada hampir paras penggantian, namun terdapat jurang akses antara kawasan bandar dan luar bandar serta dalam komuniti peribumi, dan usaha pendidikan serta perluasan perkhidmatan terus menjadi fokus dasar demi menangani isu kehamilan remaja dan ketidaksamaan kesihatan reproduktif di beberapa kawasan.

Jerman

CPR 68%
2023

TFR 1.4
2023

UMN 9%
2023

Dasar perancang keluarga di Jerman merupakan sebahagian daripada sistem penjagaan kesihatan universal yang menekankan hak reproduktif dan autonomi individu. Pendekatan ini berkembang secara formal sejak pertengahan abad ke-20, dengan pendidikan seks dan informasi kontraseptif disokong secara undang-undang melalui Akta Pendidikan Seksual pada 1995, sementara akses kontraseptif moden dan kaunseling terus berkembang sejak 1970-an dan 1980-an sebagai sebahagian daripada dasar kesihatan awam dan hak reproduktif. Objektif utama dasar ini ialah memastikan akses saksama kepada kontraseptif, khususnya dalam kalangan golongan muda, di samping memperkukuh pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif yang komprehensif. Pendekatan ini bertujuan membolehkan individu membuat keputusan reproduktif yang bermaklumat, bebas stigma dan berasaskan maklumat sahih sejak usia muda.

Kerangka perundangan Jerman diperkukuh melalui skim insurans kesihatan wajib yang menyediakan perlindungan kontraseptif berasaskan umur, serta perkhidmatan kaunseling kesihatan seksual dan reproduktif secara percuma dan tanpa pendedahan identiti seperti yang diperuntukkan di bawah SchKG. Strategi pelaksanaan melibatkan pendidikan seksual yang sistematik di sekolah, rangkaian kaunseling awam dan NGO seperti Pro Familia, serta ketersediaan pelbagai kaedah kontraseptif termasuk pil kecemasan tanpa preskripsi.

Penggunaan kontraseptif di Jerman adalah tinggi dengan sekitar 76% orang dewasa yang aktif secara seksual melaporkan menggunakan kontraseptif – paras tertinggi sejak lebih sepuluh tahun – dan hampir 87% remaja dan dewasa muda menggunakan kaedah semasa hubungan seksual; ini mencerminkan keberkesanan pendidikan seks dan akses serviks, meskipun pilihan kaedah berubah (contoh: pil sedikit menurun sementara penggunaan kondom kekal dominan).

Perancis

CPR 78% 2023

TFR 1.7 2023

UMN 4% 2023



Kerangka perundangan dan institusi Perancis menyokong penyediaan kontraseptif percuma secara meluas, termasuk pil kecemasan tanpa preskripsi untuk semua wanita serta kondom percuma bagi individu di bawah umur 26 tahun. Pelaksanaan dasar diperkukuh melalui skim Jaminan Sosial Perancis (Assurance Maladie) dengan pembiayaan penuh bagi golongan muda, penyediaan perkhidmatan di pusat perancang keluarga serta kempen kesedaran awam yang komprehensif. Perancis terus memperluas akses, termasuk memperkenalkan kontraseptif percuma untuk wanita sehingga umur 25 tahun melalui dasar baru sejak 2022, sebagai langkah menangani halangan kewangan terhadap penggunaan kontraseptif oleh golongan muda sambil mengekalkan tahap penggunaan kaedah moden yang tinggi, walaupun jurang akses masih berlaku dalam sesetengah komuniti.

United Kingdom

CPR 76% 2023

TFR 1.6 2023

UMN 7% 2023




Dasar perancang keluarga di United Kingdom dilaksanakan melalui penyediaan akses percuma dan universal kepada kontraseptif di bawah National Health Service (NHS). Dasar akses perancang keluarga NHS ini bermula secara formal dengan penggubalan National Health Service (Family Planning) Act pada tahun 1967, yang memperluas perkhidmatan kontraseptif melalui NHS kepada semua, termasuk golongan muda dan bukan hanya mereka yang berisiko. Objektif utama dasar ini ialah memastikan semua penduduk, termasuk golongan muda dan remaja di bawah umur 16 tahun, mempunyai akses kepada perkhidmatan kontraseptif tanpa diskriminasi dan tanpa pendedahan identiti. Pendekatan ini menegaskan bahawa kesihatan reproduktif merupakan hak asas yang perlu dilindungi oleh sistem kesihatan awam, tanpa mengira umur, status sosial atau lokasi geografi.

Kerangka perundangan dan institusi UK memastikan semua kaedah kontraseptif, termasuk pil kontraseptif kecemasan, dibekalkan secara percuma melalui fasiliti NHS, klinik perancang keluarga dan farmasi komuniti. Pelaksanaan dasar diperkukuh

melalui NHS Pharmacy Contraception Service (PCS) serta inovasi perkhidmatan seperti teleperubatan dan konsultasi atas talian, khususnya semasa pandemik COVID-19. Akses kepada perkhidmatan kontraseptif tetap percuma melalui NHS dengan pelbagai saluran (GP, klinik seksual & reproduktif, farmasi), dan usaha peningkatan akses seperti pengedaran pil kecemasan secara percuma di hampir 10,000 farmasi telah dilaksanakan untuk mengurangkan jurang perkhidmatan, walaupun beberapa kajian menunjukkan masih wujud halangan praktikal seperti masa menunggu dan variasi capaian di peringkat tempatan.

Kanada





Dasar perancang keluarga di Kanada berteraskan komitmen kepada akses universal kontraseptif sebagai sebahagian daripada sistem kesihatan awam dan hak kesihatan reproduktif. Objektif utama dasar ini ialah memastikan semua rakyat Kanada, tanpa mengira lokasi geografi atau status sosioekonomi, mempunyai akses kepada kaedah kontraseptif yang selamat, berkesan dan mampu milik. Kanada mengiktiraf bahawa akses kepada kontraseptif bukan sahaja isu kesihatan awam, tetapi juga hak asasi manusia yang penting dalam menyokong kesejahteraan individu dan perancangan kehidupan keluarga.

Kerangka perundangan Kanada diperkukuh melalui pengenalan Bill C-64 (Pharmacare Nasional) yang memberi keutamaan kepada perkhidmatan kontraseptif dan bertujuan menyediakan akses universal, serta pelaksanaan peringkat wilayah seperti di British Columbia yang menyediakan kontraseptif percuma dan melindungi prosedur sterilisasi di bawah insurans kesihatan. Strategi pelaksanaan menekankan kerjasama antara kerajaan persekutuan dan wilayah, penyediaan akses tanpa pendedahan identiti khususnya bagi golongan muda, serta pendekatan berasaskan bukti yang menunjukkan pulangan pelaburan positif melalui pengurangan kos berkaitan kehamilan tidak diingini.

Dengan penggubalan Pharmacare Act dan perjanjian antara kerajaan persekutuan dan beberapa wilayah untuk perlindungan kontraseptif secara universal, Kanada sedang bergerak ke arah akses kontraseptif percuma bagi rakyatnya, meskipun pelaksanaan penuh masih bergantung kepada rundingan dan kerjasama dengan wilayah lain serta kekal terdapat jurang akses di sesetengah kawasan.



Penemuan Kajian



Foto : Mikhail Maslov / Pexels

Isu Dan Cabaran Berkaitan Amalan Perancang Keluarga

Isu dan Cabaran #1:

Pengetahuan Kontraseptif Asas Tinggi, Namun Belum Menyeluruh Bagi Kaedah Kurang Lazim

Lebih 80% responden mengetahui kaedah kontraseptif asas seperti pil, suntikan, implan dan azal. Namun, pengetahuan terhadap kaedah yang kurang lazim digunakan seperti tampalan hormon, ligasi tiub dan gegelang vagina masih terhad kepada sekitar separuh responden wanita berkahwin. Secara keseluruhan, hampir dua pertiga responden wanita berkahwin mempunyai pengetahuan yang tidak mencukupi mengenai penggunaan kontraseptif.

Dapatan kualitatif turut menunjukkan bahawa sumber maklumat kontraseptif banyak diperoleh secara tidak formal, terutamanya melalui internet, media sosial, pengalaman orang lain dan carian Google, selain petugas kesihatan. Kebergantungan kepada sumber digital dan rakan sebaya, serta kekeliruan pada peringkat awal perkahwinan, menyumbang kepada kelewatan membuat keputusan perancangan keluarga dan berlakunya kehamilan yang tidak dirancang.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Lebih daripada 80% responden wanita berkahwin yang mengetahui tentang kaedah kontraseptif utama seperti kondom (95.0%), pil (85.1%), suntikan (86.8%), implan (85.1%) dan azal (89.7%).

- Namun, hanya sekitar separuh responden wanita berkahwin yang mengetahui tentang kaedah kontraseptif seperti tampalan hormon (58.6%), ligasi tiub (55.6%) dan gegelang vagina (55.1%).

- Hampir dua pertiga responden wanita berkahwin tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang penggunaan kaedah kontraseptif (pengetahuan rendah: 26.0%; pengetahuan sederhana: 36.3%).

Penemuan Kajian Kualitatif

"Semua maklumat saya tahu dari nurse dan Google" (Informan 15, 45 tahun, OKU penglihatan).

"Sumber saya seperti internet atau online platform, forum, TV/radio, Youtube/akaun rasmi kerajaan dan juga hospital. Selalu tengok IG, FB, TikTok tapi saya lebih pilih yang official dan doktor berdaftar" (Informan 18, 35 tahun).

"Biasanya internet ja.. Tengok pengalaman orang.. Tanya kawan-kawan" (Informan 24, 45 tahun).

"Maklumat utama dari [fasiliti kesihatan awam], buku pink, kalau tak jelas, tanya Google" (Informan 22, 38 tahun).

"Masa tu tak reti. Untuk awal kan tak boleh.. Lepas tu tak sempat rancang, dah mengandung" (Informan 23, 47 tahun).

Peratusan Wanita Yang Mengetahui Tentang Kaedah Kontraseptif Mengikut Status Perkahwinan

	Masih Berkahwin	Bercerai / Berpisah / Balu	Tidak Pernah Berkahwin	Jumlah
Kondom	95.0	92.9	87.2	92.0
Pil kontraseptif	85.1	83.3	70.5	80.9
Alat Dalam Rahim	89.1	90.5	66.8	79.6
Suntikan	86.8	85.7	60.1	76.8
Implan	85.1	83.3	56.1	74.2
Vasektomi	73.0	69.0	61.6	68.8
Pil Kontraseptif Kecemasan	70.0	78.6	59.8	66.6
Tampalan Hormon	58.6	64.3	39.9	51.9
Gegelang Vagina	55.1	66.7	44.6	51.7
Ligasi Tiub	55.6	66.7	44.6	52.0
Cara Waktu Selamat	92.9	90.5	80.2	88.0
Azal	89.7	88.1	54.8	76.7
Menyusu Badan	75.7	78.6	41.0	62.9

Soalan: Adakah anda tahu mengenai kaedah kontraseptif berikut?

Peratusan Wanita Mengikut Tahap Pengetahuan Mengenai Kaedah Kontraseptif Dan Ciri-Ciri Sosiodemografi

	Rendah	Sederhana	Tinggi	Jumlah
Tempat Kediaman				
Bandar	39.8	30.9	29.2	100.0
Luar Bandar	38.7	32.5	28.8	100.0
Status Perkahwinan				
Masih Berkahwin	26.0	36.3	37.7	100.0
Berpisah / Bercerai / Balu	23.8	45.2	31.0	100.0
Tidak Pernah Berkahwin	62.9	21.7	15.4	100.0
Etnik				
Melayu	37.4	32.0	30.6	100.0
Cina	54.0	25.3	20.7	100.0
India	37.5	33.3	29.2	100.0
Bumiputera Sabah	28.6	50.0	21.4	100.0
Bumiputera Sarawak	35.0	25.0	40.0	100.0
Pendapatan Isi Rumah				
Kurang Daripada RM2,500	62.6	23.2	14.2	100.0
RM2,500 – RM4,899	41.1	30.5	28.4	100.0
RM4,850 – RM10,959	29.6	34.5	36.0	100.0
RM10,960 dan Lebih	22.7	38.0	39.3	100.0
Keseluruhan	**39.7**	**31.2**	**29.2**	**100.0**

Nota: Tahap pengetahuan responden diukur berdasarkan sembilan (9) pernyataan. Skor antara 0-5 dikategorikan sebagai "rendah", skor 6-7 dikategorikan sebagai "sederhana", dan skor 8-9 dikategorikan sebagai "tinggi".

Soalan: Berdasarkan kenyataan yang berikut, sila tandakan Ya / Tidak / Tidak Pasti: (i) Kondom tidak boleh melewati tarikh luput; (ii) Alat dalam rahim (IUCD) tidak boleh digunakan oleh wanitanulliparous (wanita yang belum melahirkan bayi); (iii) vasektomi lelaki (prosedur pembedahan untuk pemandulan) dan penstrilan wanita (prosedur kekal untuk mencegah kehamilan) adalah kaedah kawalan kelahiran yang paling berkesan; (iv) Pil kontraseptif kecemasan diambil sejurus selepas mengadakan hubungan seks; (v) Wanita mesti mengambil pil perancang setiap hari bagi mengelakkan kehamilan; (vi) Suntikan kontraseptif diambil setiap 2 atau 3 bulan; (vii) Sepasang suami isteri boleh mengelakkan hubungan seks pada hari-hari subur di mana kehamilan berkemungkinan besar berlaku; (viii) Penggunaan kaedah kontraseptif adalah untuk mengurangkan bilangan anak; (ix) Penggunaan kaedah kontraseptif adalah untuk menjarakkan kehamilan.

Isu dan Cabaran #2:

Salah Tanggapan Terhadap Penggunaan Kontraseptif

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa salah tanggapan terhadap penggunaan kontraseptif masih meluas dalam kalangan wanita berkahwin. Sebahagian responden berpendapat penggunaan kondom mengurangkan keseronokan seksual dan kontraseptif boleh menjejaskan kesuburan, manakala hampir satu pertiga percaya bahawa perbincangan mengenai kontraseptif dengan golongan muda akan menggalakkan pergaulan bebas.

Dapatan kualitatif mengukuhkan penemuan kuantitatif, menunjukkan kebimbangan terhadap kesan hormon, pengalaman kesan sampingan, serta pengaruh pasangan sebagai faktor utama penolakan kontraseptif moden. Akibatnya, sebahagian wanita memilih kaedah tradisional atau mengelakkan penggunaan kontraseptif sama sekali, sekali gus menjejaskan keberkesanan perancangan keluarga dan meningkatkan risiko kehamilan tidak dirancang.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Lebih satu perempat (28.0%) responden wanita berkahwin berpendapat bahawa penggunaan kondom mengurangkan keseronokan dalam hubungan seks.

- Satu perlima (20.9%) responden wanita berkahwin berpendapat bahawa penggunaan kontraseptif boleh menjejaskan kesuburan.

- Lebih satu pertiga (35.3%) responden wanita berkahwin berpendapat bahawa perbincangan dengan golongan muda mengenai penggunaan kontraseptif akan menggalakkan pergaulan bebas.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Saya tak percayakan diri sendiri kalau makan ubat.. Dari segi cucuk memang saya tak boleh. Suami pun tak galakkan ambil ubat" (Informan 22, 38 tahun).

"Sebab saya takut dia kacau dengan hormon.. Jadi saya tak ambil, saya guna kaedah tradisional" (Informan 33, 26 tahun).

"Dah pakai implan, cucuk pun kena. Lepas tu makan banyak. Period tak teratur tu biasa la kan" (Informan 25, 47 tahun).

Peratusan Wanita Berkahwin Yang Bersetuju Dengan Pernyataan Terpilih

	Peratusan
Penggunaan kontraseptif adalah bertentangan dengan kepercayaan agama dan nilai budaya.	6.5
Kontraseptif hanya penting untuk golongan wanita sahaja.	5.6
Penggunaan kondom mengurangkan keseronokan dalam hubungan intim.	21.4
Penggunaan kontraseptif boleh menjejaskan kesuburan pada masa hadapan.	21.4
Membincangkan kaedah kontraseptif seperti penggunaan kondom dengan golongan muda akan menggalakkan pergaulan bebas.	31.4
Penggunaan kontraseptif adalah penting untuk mengelakkan kehamilan yang tidak dirancang.	73.3
Jarak pendek antara kehamilan memberi kesan buruk kepada kesihatan ibu.	78.6

Soalan: Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan berikut? Sila tandakan Sangat Tidak Setuju / Tidak Setuju / Neutral / Setuju / Sangat Setuju.

Peratusan Wanita Mengikut Kategori Sikap Terhadap Kaedah Kontraseptif Dan Ciri-Ciri Sosiodemografi

	Negatif	Neutral	Positif	Jumlah
Tempat Kediaman				
Bandar	27.5	61.5	11.0	100.0
Luar Bandar	32.5	60.1	7.4	100.0
Status Perkahwinan				
Masih Berkahwin	26.3	63.7	9.9	100.0
Berpisah / Bercerai / Balu	31.0	59.5	9.5	100.0
Tidak Pernah Berkahwin	31.1	57.7	11.2	100.0
Etnik				
Melayu	29.5	62.0	8.5	100.0
Cina	22.0	61.3	16.7	100.0
India	16.7	60.4	22.9	100.0
Bumiputera Sabah	50.0	50.0	0.0	100.0
Bumiputera Sarawak	35.7	42.9	21.4	100.0
Pendapatan Isi Rumah				
Kurang Daripada RM2,500	43.1	50.4	6.5	100.0
RM2,500 – RM4,899	30.5	63.0	6.5	100.0
RM4,850 – RM10,959	21.3	66.2	12.5	100.0
RM10,960 dan Lebih	16.0	65.0	19.0	100.0
Keseluruhan	**28.3**	**61.3**	**10.4**	**100.0**

Nota: Kategori sikap responden diukur berdasarkan tujuh (7) pernyataan menggunakan skala Likert lima mata, daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Kategori sikap ditentukan berdasarkan skor komposit yang diperoleh daripada kesemua pernyataan tersebut.

Soalan: Berdasarkan Soalan: Apakah pandangan anda mengenai amalan penggunaan kontraseptif? Sila tandakan Sangat Tidak Setuju / Tidak Setuju / Neutral / Setuju / Sangat Setuju: (i) Penggunaan kontraseptif adalah bertentangan dengan kepercayaan agama dan nilai budaya; (ii) Kontraseptif hanya penting untuk golongan wanita sahaja; (iii) Penggunaan kondom mengurangkan keseronokan dalam hubungan intim; (iv) Penggunaan kontraseptif boleh menjejaskan kesuburan pada masa hadapan; (v) Membincangkan kaedah kontraseptif seperti penggunaan kondom dengan golongan muda akan menggalakkan pergaulan bebas; (vi) Penggunaan kontraseptif adalah penting untuk mengelakkan kehamilan yang tidak dirancang; (vii) Jarak pendek antara kehamilan memberi kesan buruk kepada kesihatan ibu.

Isu dan Cabaran #3:

Amalan Penggunaan Kontraseptif Yang Rendah

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa amalan penggunaan kontraseptif dalam kalangan wanita berkahwin masih rendah dan tidak konsisten. Walaupun sebahagian besar pernah menggunakan kontraseptif, kurang separuh sedang menggunakannya, dan dalam kalangan pengguna semasa, kaedah bukan moden lebih dominan berbanding kaedah moden. Kondom dan IUCD merupakan kaedah moden paling kerap digunakan, manakala azal dan kaedah waktu selamat mendominasi kaedah bukan moden. Bagi wanita yang tidak menggunakan kontraseptif pada masa ini, alasan utama ialah keinginan untuk hamil, diikuti pengalaman atau kebimbangan terhadap kesan sampingan. Keputusan berkaitan penggunaan kontraseptif lazimnya dibuat bersama pasangan, namun hanya sebahagian kecil merancang untuk menggunakan kontraseptif pada masa hadapan.

Dapatan kualitatif menonjolkan peranan dinamik pasangan, tuntutan kerjaya, pengalaman kesihatan berisiko, akses subsidi, serta kepercayaan terhadap kaedah tradisional dalam membentuk corak penggunaan kontraseptif, sekali gus mencerminkan cabaran berlapis dalam menggalakkan amalan perancang keluarga yang berkesan.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Hanya 66.2% responden wanita berkahwin yang pernah menggunakan kontraseptif.
- Kurang separuh (45.4%) responden wanita berkahwin yang sedang menggunakan kontraseptif.
- Sebanyak 38.2% responden wanita berkahwin mereka menggunakan kaedah moden sementara baki 7.1% menggunakan kaedah bukan moden.
- Kondom dan alat dalam rahim (IUCD) adalah kaedah kontraseptif moden yang paling banyak digunakan oleh responden wanita berkahwin dengan masing-masing 12.3% dan 7.0%.
- Sementara itu, azal dan cara waktu selamat adalah kaedah kontraseptif bukan moden yang paling banyak digunakan dengan masing-masing 3.0% dan 3.8%.
- Dalam kalangan responden wanita berkahwin yang tidak menggunakan kontraseptif sekarang (tetapi pernah menggunakannya sebelum ini):
  - lebih 40% mereka memberikan alasan “ingin hamil” menyebabkan mereka tidak menggunakan kontraseptif semasa tinjauan dijalankan;
  - “pernah mengalami kesan sampingan” dan “berasa takut dengan kemungkinan berlaku kesan sampingan” turut merupakan sebab utama mereka tidak menggunakan kontraseptif dengan masing-masing 9.0% dan 8.2%

- hampir 60% mereka membuat keputusan tersebut (tidak menggunakan kontraseptif semasa tinjauan dijalankan) secara bersama dengan pasangan dan;
- hanya 32.5% sahaja mereka yang merancang untuk menggunakan kontraseptif pada masa akan datang.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Saya dapat subsidi dari kerajaan, jadi tak perlu bayar implan" (Informan 16, 44 tahun, OKU fizikal).

"Saya buat keputusan sendiri, dengan nasihat doktor dan bincang dengan suami" (Informan 15, 45 tahun, OKU penglihatan).

"Saya dan suami tinggal berjauhan kerana kerja. Susah kalau ada lagi baby.. Tiada siapa bantu.. Career demand lagi" (Informan 14, 41 tahun)

"Suami tak bagi pakai kontraseptif.. Saya ikut saja.. Malas gaduh" (Informan 7, 45 tahun).

"Makan ubat. Makan jamu lah.. Apa lah.. Petua orang dulu-dulu" (Informan 25, 47 tahun, OKU fizikal).

"Last pregnancy tu.. Tekanan darah tinggi dah detect.. Lepas postnatal pun masih tinggi. Doktor memang start bagi ubat.. Saya high risk, jadi hospital kerajaan memang bagi pilihan nak pasang apa, tapi implan dia tak bagi.. Sebab saya kecil-kecil" (Informan 22, 38 tahun).

Peratusan Wanita Berkahwin Mengikut Kaedah Kontraseptif

	Peratusan
Kondom	12.3
Alat Dalam Rahim	7.0
Pil Kontraseptif	5.3
Implan	5.1
Ligasi Tiub	4.8
Suntikan	3.0
Pil Kontraseptif Kecemasan	0.5
Vasektomi	0.3
Tampalan Hormon	-
Gegelang Vagina	-
Azal	3.0
Cara Waktu Selamat	3.8
Menyusu Badan	0.3

Soalan: Apakah kaedah kontraseptif yang anda atau pasangan anda gunakan sekarang?

Sebab-Sebab Wanita Berkahwin Tidak Pernah Menggunakan Kaedah Kontraseptif

	Peratusan
Ingin hamil	44.1
Tidak berminat / tidak berhasrat	25.2
Takut kemungkinan menghadapi kesan sampingan	20.8
Tidak mengetahui tentang kaedah kontraseptif	6.4
Pasangan tidak benarkan	2.0
Nasihat pengamal perubatan	1.5

Soalan: Mengapakah anda atau pasangan / bekas pasangan anda tidak pernah menggunakan sebarang kaedah kontraseptif?

Peratusan Wanita Berkahwin Yang Menggunakan Kaedah Kontraseptif Mengikut Ciri-Ciri Sosiodemografi

		Moden	Bukan Moden
Strata	Bandar	36.5	7.5
	Luar Bandar	48.8	4.8
Etnik	Melayu	39.0	6.5
	Cina	43.9	14.6
	India	14.3	4.8
	Bumiputera Sabah	20.0	20.0
	Bumiputera Sarawak	42.9	0.0
Pendapatan Isi Rumah	Kurang daripada RM2,500	16.2	2.7
	RM2,500 – RM4,849	31.1	8.1
	RM4,850 – RM10,959	43.2	6.8
	RM10,960 dan lebih	50.4	8.9
	Jumlah	**38.2**	**7.1**

Isu dan Cabaran #4:

Pasangan Lelaki Berperanan Secara Pasif Dalam Proses Pembuatan Keputusan Berkaitan Penggunaan Kontraseptif

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa penglibatan pasangan lelaki dalam pembuatan keputusan berkaitan penggunaan kontraseptif masih terhad dan bersifat pasif. Sebahagian responden wanita berkahwin membuat keputusan berkaitan penggunaan, tidak menggunakan, atau berhenti menggunakan kontraseptif tanpa

penglibatan aktif pasangan, dengan peratusan tertinggi dicatatkan dalam keputusan untuk berhenti menggunakan kontraseptif.

Dapatan kualitatif memperlihatkan bahawa walaupun perbincangan dengan pasangan berlaku, tanggungjawab dan implikasi penggunaan kontraseptif lebih banyak dipikul oleh wanita, manakala pasangan lelaki cenderung bersetuju atau "mengikut" keputusan tanpa penglibatan substantif. Corak ini mencerminkan keperluan untuk pendekatan perancang keluarga yang lebih inklusif terhadap lelaki bagi menggalakkan perkongsian tanggungjawab dan keputusan yang lebih seimbang.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Secara keseluruhannya, lebih 70% responden wanita berkahwin membuat keputusan secara bersama dengan pasangan untuk menggunakan kontraseptif.
- Walau bagaimanapun, terdapat responden wanita berkahwin yang tidak melibatkan pasangan dalam proses pembuatan keputusan berkaitan penggunaan kontraseptif seperti berikut:
  - 18.9% daripada mereka yang mengambil keputusan untuk menggunakan kontraseptif.
  - 19.4% daripada mereka yang mengambil keputusan untuk tidak (pernah) menggunakan kontraseptif.
  - 33.3% daripada mereka yang mengambil keputusan untuk berhenti daripada menggunakan kontraseptif.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Selalunya akak yang buat keputusan.. Suami ikut je. Sebab kita yang tanggung semua" (Informan 23, 47 tahun).

"Keputusan tu biasanya saya buat.. Tapi saya tetap bincang dengan suami. Dia follow je" (Informan 22, 38 tahun).

"Suami selalunya ada teman pergi klinik, tapi semua kesan.. Saya yang kena tanggung" (Informan 9, 35 tahun).

Peratusan Wanita Berkahwin Mengikut Pembuatan Keputusan Dalam Penggunaan Kontraseptif

	Peratusan
Sendiri	19.0
Pasangan	3.0
Bersama dengan pasangan	76.0
Lain-lain	2.0

Soalan: Siapakah yang membuat Keputusan untuk menggunakan kaedah kontraseptif?

Peratusan Wanita Berkahwin Mengikut Pembuatan Keputusan Dalam Penggunaan Kontraseptif

	Sendiri	Pasangan	Bersama Dengan Pasangan	Lain-lain	Jumlah
Tempat Kediaman					
Bandar	18.6	3.6	75.9	1.8	100.0
Luar Bandar	20.5	4.5	72.7	2.3	100.0
Etnik					
Melayu	20.9	2.6	74.8	1.7	100.0
Cina	4.2	12.5	83.3	0.0	100.0
Lain-lain	10.0	10.0	70.0	10.0	100.0
Pendapatan Isi Rumah					
Kurang Daripada RM2,500	7.1	0.0	85.7	7.1	100.0
RM2,500 – RM4,899	31.1	4.9	63.9	0.0	100.0
RM4,850 – RM10,959	18.9	5.4	73.0	2.7	100.0
RM10,960 dan Lebih	11.5	1.3	85.9	1.3	100.0
Keseluruhan	**18.9**	**3.8**	**75.4**	**1.9**	**100.0**

Nota: Kategori "lain-lain" termasuk etnik India, Bumiputera Sabah dan Bumiptera Sarawak berikutan saiz sampel yang kecil.

Isu dan Cabaran #5:

Kos Kaedah Perancang Keluarga Dan Rawatan Subfertiliti Yang Tinggi

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa kos yang tinggi merupakan halangan utama kepada akses perkhidmatan perancang keluarga dan rawatan subfertiliti. Sebahagian responden wanita berkahwin yang menghadapi masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden disebabkan kekangan kewangan, termasuk kos rawatan yang tinggi, ketiadaan jaminan kejayaan, serta perbelanjaan sampingan seperti kos perjalanan dan masa.

Dapatan kualitatif menegaskan bahawa kos rawatan subfertiliti (termasuk IUI dan IVF) yang tinggi, keperluan kitaran rawatan berulang, dan ketiadaan subsidi yang mencukupi menjejaskan kemampuan kewangan pasangan untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, kos kaedah perancang keluarga tertentu seperti implan turut dianggap mahal oleh sebahagian responden, sekali gus menonjolkan keperluan kepada mekanisme subsidi, perlindungan kewangan, dan peluasan akses perkhidmatan bagi mengurangkan beban kos dan meningkatkan akses rawatan.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Sebanyak 21.2% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana mempunyai kekangan kewangan untuk berbuat demikian.

Penemuan Kajian Kualitatif

".. kurangkan harga implan.. Hanya implan je yang berkesan untuk perancang keluarga 100%.. Subsidi ataupun pengurangan harga" (Informan 25, 47 tahun).

"Kos rawatan (subfertiliti) ni mahal.. Rasa tak cukup nak tanggung semua tu" (Informan 9, 35 tahun).

"Saya kerja di Penang.. Jauh berulang-alik buat rawatan di Shah Alam. Kos.. Masa.. Semuanya mencabar" (Informan 12, 29 tahun).

"Itu salah satu faktor kenapa kami tidak.. Buat IVF atau IUI.. Memikirkan kos" (Informan 18, 37 tahun).

"Satu cycle.. 50-60k.. No guarantee" (Informan 28, 38 tahun).

"So saya rasa kalau RM10,000 pun rasa lebih lah.. RM15,000 kot.. Saya ada je simpan semua-semua daripada saya buat tu kan" (Informan 39, 26 tahun).

"Kos kerajaan (fasiliti kesihatan awam) sekitar RM10,000-RM14,000.. Bayar ansur-ansur ikut langkah prosedur. Proses smooth tapi tetap membebankan" (Informan 26, 37 tahun).

Peratusan Wanita Berkahwin Mengikut Sebab Tidak Mendapatkan Rawatan Subfertiliti

	Peratusan
Tidak mengetahui cara untuk mendapatkan rawatan	21.2
Pasangan tidak bersetuju untuk mendapatkan rawatan	11.5
Menghadapi masalah kewangan	21.2
Menghadapi masalah logistik (seperti tiada pengangkutan, jauh dari kediaman dan lain-lain)	3.8
Tiada mempunyai masa yang sesuai	30.8
Berasa takut	19.2
Berasa malu	15.4
Tidak menganggap diri mempunyai sebarang masalah	44.2
Tidak kisah sekiranya tidak mempunyai anak	25.0
Mempunyai masalah kesihatan	1.9

Soalan: Mengapa anda / pasangan / bekas pasangan tidak mendapatkan nasihat atau rawatan perubatan moden bagi mengatasi masalah kesukaran untuk hamil?

Isu dan Cabaran #6

Akses Kepada Rawatan Subfertiliti Yang Terhad

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa akses kepada rawatan subfertiliti masih terhad, terutamanya disebabkan oleh kekangan masa dan logistik. Sebahagian responden wanita berkahwin tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana kesukaran mengurus masa, jarak perjalanan, serta halangan mobiliti, di samping prosedur perkhidmatan yang memerlukan tempoh menunggu yang panjang.

Dapatan kualitatif menonjolkan perbezaan ketara antara sektor awam dan swasta, di mana hospital kerajaan menawarkan kos lebih rendah tetapi berdepan isu masa menunggu dan proses yang perlahan, manakala rawatan swasta lebih pantas namun mahal. Walaupun terdapat pengalaman positif terhadap perkhidmatan LPPKN yang dianggap lebih lancar dan mesra klien, kos dan keperluan pematuhan prosedur masih menjadi cabaran, sekali gus menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kecekapan sistem, mengurangkan masa menunggu, dan memperkukuh akses perkhidmatan subfertiliti yang mampu milik.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Hampir 4% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden disebabkan oleh masalah logistik.

- Hampir satu pertiga (30.8%) responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana tidak mempunyai masa yang sesuai untuk berbuat demikian.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Hospital kerajaan ada, tapi kena tunggu giliran lama. Nak cepat, kena pergi swasta. Tapi mahal sangat" (Informan 3, 32 tahun).

"Kalau daripada segi government pula.. Prosedur dia lambat sangat.. Appoinment ke appoinment sebulan dua bulan makan masa.. Gap dia terlampau lama" (Informan 39, 26 tahun).

".. akses dan mobiliti di (fasiliti kesihatan awam).. Banyak checkpoint" (Informan 18, 37 tahun).

"(Fasiliti kesihatan awam).. Prosedur smooth.. Staf dan doktor sangat understanding" (Informan 26, 37 tahun).

"Hospital kerajaan kena tunggu lama. Kalau pergi swasta tapi mahal sangat" (Informan 2, 38 tahun).

Isu dan Cabaran #7:

Stigma Sosial Terhadap Wanita Yang Mengalami Masalah Subfertiliti

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa stigma sosial masih menjadi halangan penting kepada wanita yang mengalami masalah subfertiliti untuk mendapatkan rawatan perubatan moden. Sebahagian responden tidak mendapatkan rawatan kerana ketiadaan persetujuan pasangan, manakala hampir satu perlima menangguhkan rawatan akibat perasaan takut dan malu yang berpunca daripada persepsi negatif masyarakat.

Dapatan kualitatif menggambarkan bahawa salah faham, tekanan sosial dan norma budaya yang mengaitkan keupayaan mempunyai anak sebagai kewajipan perkahwinan memberi kesan psikososial yang mendalam kepada wanita. Stigma ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan emosi, malah mendorong sesetengah wanita untuk menyembunyikan keadaan mereka dan mengelakkan rawatan, sekali gus menekankan keperluan kepada pendekatan advokasi, pendidikan komuniti dan sokongan psikososial yang lebih menyeluruh.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Sebanyak 11.5% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana tidak mendapat persetujuan daripada pasangan untuk berbuat demikian.

- Hampir satu perlima responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana mempunyai perasaan takut (19.2%) dan malu (15.4%).

Penemuan Kajian Kualitatif

"Kalau kita buat IUI dan IVF ni kadang-kadang orang salah fikir.. Dulu kan dia panggil baby tabung.. Orang-orang tua tu, kawan-kawan kerja.. Macam-macam cakap" (Informan 39, 26 tahun).

"Kalau saya ketengahkan masalah ni dekat komuniti.. Saya banyak luka hati.. Tak dipanggil ke majlis orang mengandung, katanya bad blood boleh affect baby.. Deepavali orang kecam bila you nak mengandung.. Saya sampai avoid event" (Informan 26, 37 tahun).

"Orang luar kadang-kadang salah faham menganggap tidak mahu berusaha.. Budaya masyarakat memandang mempunyai anak sebagai satu kewajipan perkahwinan" (Informan 20, 41 tahun).

"Kadang-kadang ada tekanan secara halus. Soalan sensitif.. Tidak ramai yang faham" (Informan 17, 40 tahun).

Isu dan Cabaran #8:

Pengetahuan Mengenai Perihal Subfertiliti (Simptom Dan Rawatan) Yang Rendah

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mengenai subfertiliti masih rendah, khususnya berkaitan simptom awal, tempoh subur dan laluan mendapatkan rawatan. Sebahagian responden wanita berkahwin tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana tidak mengetahui cara atau saluran untuk mendapatkan rawatan, manakala sebahagian besar lagi menganggap diri mereka tidak mempunyai masalah subfertiliti, walaupun mengalami tanda-tanda yang berkaitan.

Dapatan kualitatif menunjukkan bahawa kekurangan literasi kesihatan reproduktif menyebabkan kelewatan pengesanan dan rawatan awal, serta menimbulkan kesan psikologi seperti rasa bersalah, rendah diri dan kekeliruan terhadap keadaan kesihatan sendiri.

Situasi ini menekankan keperluan kepada pendidikan kesihatan reproduktif yang lebih menyeluruh, saringan awal dan kaunseling proaktif bagi meningkatkan kesedaran serta mendorong intervensi yang lebih awal dan berkesan.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Sebanyak 21.2% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana tidak mengetahui cara untuk mendapatkannya.

- Sebanyak 44.2% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana menganggap mereka tidak mempunyai sebarang masalah.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Kalau dari awal saya tahu, mungkin kami boleh rancang dan mula rawatan lebih awal" (Informan 3, 32 tahun).

".. dulu-dulu saya tak tahu pun kira waktu subur.. Kitaran haid" (Informan 2, 38 tahun).

"Saya rasa macam tak sempurna.. Orang lain senang je dapat anak. Saya dah cuba.. Kadang-kadang saya salahkan diri sendiri" (Informan 9, 35 tahun).

"Jadi ada masalah.. Ovum kecil dan susah nak dapat anak.. Sekarang ni saya fikir dengan tiroid lagi.. Yang mungkin lagi susah (nak hamil)" (Informan 3, 32 tahun).

Isu dan Cabaran #9:

Masalah Kesihatan Mengganggu Wanita Untuk Mendapatkan Rawatan Subfertiliti

Penemuan tinjauan menunjukkan bahawa masalah kesihatan sedia ada merupakan antara faktor yang menghalang sebahagian kecil wanita daripada mendapatkan rawatan subfertiliti. Walaupun peratusannya relatif rendah, isu kesihatan seperti gangguan hormon, PCOS, fibroid, masalah tiroid, keguguran berulang serta pengalaman kegagalan rawatan sebelum ini memberi kesan langsung terhadap kesesuaian klinikal dan kesediaan wanita untuk meneruskan rawatan.

Dapatan kualitatif menggambarkan bahawa sejarah kesihatan yang kompleks dan pengalaman rawatan yang menyakitkan atau gagal bukan sahaja membataskan pilihan rawatan, malah memberi kesan emosi yang mendalam seperti keletihan fizikal dan psikologi.

Keadaan ini menekankan keperluan kepada pendekatan rawatan yang lebih bersepadu, berperingkat dan berpusatkan klien, termasuk pemantauan kesihatan menyeluruh, kaunseling berterusan dan sokongan emosi dalam pengurusan subfertiliti.

Penemuan Kajian Kuantitatif

- Hampir 2% responden wanita berkahwin yang mempunyai masalah subfertiliti tidak mendapatkan rawatan perubatan moden kerana mempunyai masalah kesihatan.

Penemuan Kajian Kualitatif

"Sebelum ni doktor kata saya dah tak boleh. Tapi saya dapat anak. Bersedia.. Bersedia.. Nak-nak masa tu fibroid kecil juga" (Informan 16, 44 tahun).

"12 tahun. IVF dua kali.. Semua gagal" (Informan 17, 40 tahun).

".. banyak kali miscarriage.. Bila saya stimulate dengan ubat.. Ada masalah lain.. Painful" (Informan 28, 38 tahun).

"Nombor satu sebab weight gain je sebenarnya.. Berat badan sebab saya naik mendadak lepas kahwin tu.. PCOS satu, lepas tu tiroid juga.. Hyper-tiroid" (Informan 39, 26 tahun).

Keberkesanan Prestasi Pelaksanaan Program Perancang Keluarga

Pencapaian Dasar Dan Program Berkaitan Perancangan Keluarga

Contraception Policy Atlas Asia and the Pacific telah dilancarkan oleh The European Parliamentary Forum for Sexual and Reproductive Rights (EPF), Family Planning 2030 (FP2030) dan International Planned Parenthood Federation (IPPF) pada 16 November 2023 di Bangkok, Thailand. Atlas ini menyediakan maklumat penting tentang landskap perancang keluarga dan status kontraseptif berdasarkan kepada penilaian yang dilakukan terhadap 43 buah negara di rantau Asia Pasifik, yang melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu kerangka perundangan, akses dan peruntukan kewangan.

Berdasarkan Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023, pengiktirafan hak reproduktif dalam undang-undang atau akta, termasuk hak untuk menentukan bilangan, masa dan jarak kelahiran, merupakan komponen penting dalam mewujudkan persekitaran yang menyokong amalan perancang keluarga. Namun, perbandingan antara negara Asia Pasifik menunjukkan bahawa pengiktirafan hak tersebut tidak semestinya diterjemahkan kepada kadar penggunaan kontraseptif (CPR) yang lebih tinggi. Negara seperti Hong Kong (67%), Indonesia (64%) dan Kemboja (62%) mencatat CPR yang tinggi seiring dengan pengiktirafan hak reproduktif, manakala Filipina (58%), Nepal (57%), Malaysia (52%) dan Pakistan (34%) masih merekodkan CPR yang sederhana atau rendah walaupun mempunyai pengiktirafan yang sama.

Perbandingan Pengiktirafan Hak Reproduktif Dalam Undang-Undang / Akta Di Negara Asia Pasifik Mengikut Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR)

Negara Yang Mempunyai Pengiktirafan	
CPR Rendah	**CPR Tinggi**
Filipina (58%)	Hong Kong (67%)
Nepal (57%)	Indonesia (64%)
Malaysia (52%)	Kemboja (62%)
Pakistan (34%)	
Negara Yang Tidak Mempunyai Pengiktirafan	
CPR Rendah	**CPR Tinggi**
Myanmar (52%)	China (85%)
Jepun (40%)	Thailand (73%)
	Vietnam (73%)
	Bangladesh (64%)

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.
Nota: Angka dalam kurungan () menunjukkan nilai CPR (%).

Sebaliknya, beberapa negara yang tidak mengiktiraf hak reproduktif secara jelas dalam undang-undang turut mencatat CPR yang tinggi, antaranya China (85%), Thailand (73%), Vietnam (73%) dan Bangladesh (64%). Dapatan ini menunjukkan bahawa selain komitmen dasar dan perundangan, faktor seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, ketersediaan bekalan kontraseptif, kepelbagaian pilihan kaedah, literasi kesihatan dan keberkesanan pelaksanaan program turut mempengaruhi penggunaan kontraseptif.

Didapati majoriti negara yang dikaji mempunyai pelan atau strategi nasional berkaitan kontraseptif serta komitmen antarabangsa seperti Every Woman Every Child (EWEC), Nairobi Summit dan FP2030. Sembilan negara termasuk Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Bangladesh mempunyai kedua-dua komponen ini, dan kebanyakannya mencatat CPR yang sederhana hingga tinggi.

Walau bagaimanapun, kewujudan pelan nasional dan komitmen antarabangsa tidak semestinya menentukan tahap CPR. Hong Kong (67%) dan Korea Selatan (82%) tetap mencatat CPR yang tinggi walaupun tidak mempunyai pelan atau komitmen yang dinilai dalam atlas tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa selain dasar dan komitmen formal, faktor seperti pembangunan sosioekonomi, akses kepada perkhidmatan kesihatan, literasi kesihatan reproduktif, autonomi individu dan ketersediaan kontraseptif turut mempengaruhi penggunaan kontraseptif.

Negara Asia Pasifik Terpilih Yang Mempunyai Pelan / Strategi Nasional Berkaitan Kontraseptif Dan Komitmen Dalam Inisiatif Global

Negara	Pelan / Strategi Nasional	Komitmen Antarabangsa
Malaysia	Ya	Ya
Indonesia	Ya	Ya
Filipina	Ya	Ya
Thailand	Ya	Ya
Kemboja	Ya	Ya
Pakistan	Ya	Ya
Nepal	Ya	Ya
Bangladesh	Ya	Ya
Sri Lanka	Ya	Ya
Hong Kong	Tidak	Tidak
Macao	Tidak	Tidak
Korea Selatan	Tidak	Tidak

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.

Berdasarkan Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023, liputan kaedah kontraseptif moden dalam National Essential Medicines List (NEML) merupakan salah satu instrumen yang menyokong ketersediaan dan akses kepada kontraseptif. Negara seperti Kemboja, Bangladesh, Sri Lanka dan Myanmar yang mempunyai liputan enam hingga sepuluh kaedah moden dalam NEML mencatat CPR antara 52% hingga 65%, manakala Malaysia dan Indonesia yang mempunyai liputan lebih terhad masih merekodkan CPR masing-masing sebanyak 52% dan 64%.

Walau bagaimanapun, bilangan kaedah yang disenaraikan dalam NEML tidak semestinya menentukan tahap penggunaan kontraseptif. Korea Selatan (82%) dan Vietnam (73%) mencatat CPR yang tinggi walaupun tiada kaedah moden disenaraikan dalam NEML yang dinilai, manakala Jepun hanya merekodkan CPR sebanyak 40%. Dapatan ini menunjukkan bahawa selain NEML, faktor seperti kekuatan sistem kesihatan, akses kepada perkhidmatan perancang keluarga, pembiayaan kesihatan, literasi kesihatan reproduktif dan penerimaan masyarakat turut mempengaruhi penggunaan kontraseptif.

Perbandingan Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR) Mengikut Tahap Liputan Kaedah Kontraseptif Moden Dalam Senarai Ubat-Ubatan Penting Kebangsaan (NEML) Di Negara Asia Pasifik Terpilih

Liputan Kaedah Kontraseptif Moden dalam Senarai Ubat-Ubatan Penting Kebangsaan (NEML)		
Antara 6 hingga 10 Kaedah	**Antara 1 hingga 5 Kaedah**	**Tiada Liputan**
Kemboja (62%) Bangladesh (64%) Sri Lanka (65%) Myanmar (52%)	Malaysia (52%) Indonesia (64%)	Jepun (40%) Vietnam (73%) Korea Selatan (82%)

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.
Nota: Angka dalam kurungan () menunjukkan nilai CPR (%).

Berkenaan dengan kerangka pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif (SRHE), didapati tujuh (7) negara yang mempunyai kerangka SRHE, termasuk China, Vietnam, India, Hong Kong, Indonesia, Filipina dan Malaysia, secara umumnya mencatat PR yang sederhana hingga tinggi. Walau bagaimanapun, kewujudan kerangka SRHE bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi penggunaan kontraseptif. Thailand dan Sri Lanka turut mencatat CPR yang tinggi walaupun tidak mempunyai kerangka SRHE yang dikenal pasti dalam penilaian ini.

Dapatan ini menunjukkan bahawa selain pendidikan SRHE, faktor seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, ketersediaan kontraseptif, sokongan dasar kerajaan, pembangunan sosioekonomi dan penerimaan masyarakat turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penggunaan kontraseptif. Namun begitu, kerangka SRHE

kekal penting dalam memperkukuh literasi kesihatan reproduktif dan menyokong pembuatan keputusan yang lebih bermaklumat.

Perbandingan Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR) Mengikut Kewujudan Kerangka Pendidikan Kesihatan Seksual Dan Reproduktif (SRHE) Di Negara Asia Pasifik Terpilih

Ada Kerangka SRHE	Tiada Kerangka SRHE
China (85%)	Thailand (73%)
Vietnam (73%)	Sri Lanka (82%)
India (67%)	
Hong Kong (67%)	
Indonesia (64%)	
Filipina (58%)	
Malaysia (52%)	

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.
Nota: Angka dalam kurungan () menunjukkan nilai CPR (%).

Pengumpulan data kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) secara berkala penting untuk memantau trend penggunaan kontraseptif, menilai keberkesanan program dan menyokong perancangan berasaskan bukti. Negara seperti China, India, Hong Kong dan Indonesia yang mengumpul data SRH dalam tempoh kurang daripada lima tahun mencatat kadar CPR yang sederhana hingga tinggi.

Walau bagaimanapun, kekerapan pengumpulan data sahaja tidak menjamin CPR yang lebih tinggi. Korea Selatan, Thailand dan Vietnam turut mencatat CPR yang tinggi walaupun mengumpul data SRH pada selang masa melebihi lima tahun. Dapatan ini menunjukkan bahawa selain data yang berkala, faktor seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif, ketersediaan kontraseptif, sokongan dasar, pembangunan sosioekonomi dan penerimaan masyarakat turut mempengaruhi penggunaan kontraseptif.

Perbandingan Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR) Mengikut Kekerapan Pengumpulan Data Kesihatan Seksual Dan Reproduktif (SRH) Di Negara Asia Pasifik Terpilih

Kerap (kurang daripada 5 tahun)	Jarang (lebih daripada 5 tahun)
China (85%)	Korea Selatan (82%)
India (67%)	Thailand (73%)
Hong Kong (67%)	Vietnam (73%)
Indonesia (64%)	Malaysia (52%)

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.
Nota: Angka dalam kurungan () menunjukkan nilai CPR (%).

Berdasarkan Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023, didapati negara seperti Thailand (73%), Vietnam (73%), Kemboja (62%), Indonesia (64%), Bangladesh (64%) dan Filipina (58%) yang mempunyai jawatankuasa khusus ini mencatat CPR yang sederhana hingga tinggi. Walau bagaimanapun, kewujudan jawatankuasa nasional bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi penggunaan kontraseptif. China (85%), Korea Selatan (82%) dan Hong Kong (67%) turut mencatat CPR yang tinggi walaupun tidak mempunyai mekanisme tersebut, manakala Malaysia dan Jepun yang juga tidak mempunyai jawatankuasa khusus merekodkan CPR yang lebih rendah.

Dapatan ini menunjukkan bahawa selain tadbir urus bekalan, faktor seperti kekuatan sistem kesihatan, pembangunan sosioekonomi, akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif dan penerimaan masyarakat turut memainkan peranan penting. Namun demikian, penubuhan jawatankuasa khusus kekal relevan sebagai platform untuk memperkukuh perancangan dan kesinambungan bekalan kontraseptif di peringkat nasional.

Perbandingan Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR) Mengikut Jawatankuasa Nasional Pengurusan Bekalan Kontraseptif Di Negara Asia Pasifik Terpilih

Negara Yang Mempunyai Jawatankuasa	Negara Yang Tidak Mempunyai Jawatankuasa
Thailand (73%)	China (85%)
Vietnam (73%)	Korea Selatan (82%)
Kemboja(62%)	Hong Kong (67%)
Indonesia (64%)	Malaysia (52%)
Bangladesh (64%)	Jepun (40%)
Filipina (58%)	

Sumber: Contraception Policy Atlas Asia-Pacific 2023.
